



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**Jilid III Bil. 23**

**Hari Khamis**

**21hb Disember, 1989**

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**(Ruangan 1)**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1990**

**(Ruangan 32)**



**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

Khamis, 21hb Disember, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**BURSA SAHAM KUALA LUMPUR/SINGAPORA -  
PEMISAHAN**

**1. Tuan Hassan bin Harun** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kesan-kesan positif dan negatif pemisahan Bursa Saham Kuala Lumpur dengan Bursa Saham Singapura. Apakah sumber dan sistem kewangan tempatan berupaya menghadapi keperluan pasaran saham kini yang sophisticated.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tarikh sebenar penguatkuasaan dasar ini ialah pada 1hb Januari, 1990. Arahan telahpun dikeluarkan kepada semua syarikat yang berdaftar di Malaysia yang berkenaan supaya mengeluarkan saham mereka daripada Senarai Rasmi Bursa Saham Singapura (BSS) sebelum 31hb Disember, 1989. Oleh yang demikian, kesan-kesan pemisahan ini akan hanya dapat diketahui selepas tarikh tersebut. Walau bagaimanapun, tanda-tanda yang terdapat menunjukkan jumlah perdagangan yang dicatatkan di Bursa Saham Kuala Lumpur semakin meningkat walaupun pemisahan tersebut akan dilaksanakan.

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat: sedia maklum, tujuan

utama pemisahan BSKL dan BSS ialah untuk membantu menjadikan BSKL sebagai salah sebuah pasaran saham terkemuka di rantau ini. Kita tidak mahu pasaran saham kita dibayangi dan dipengaruhi oleh keadaan-keadaan yang berlaku di Singapura seperti pada masa-masa yang lepas. Selain daripada itu, ianya diharapkan akan membantu mengembangkan industri sekuriti tempatan kerana pelabur-pelabur asing yang ingin berurusniaga dalam stok syarikat-syarikat Malaysia yang kini akan hanya diniagakan di BSKL perlu melakukannya melalui broker-broker saham di negara ini.

Berhubung dengan keupayaan sumber dan sistem kewangan, sistem yang ada adalah mampu untuk memenuhi keperluan pasaran yang semakin, dengan izin, sophisticated. Dengan penggunaan komputer dan penyertaan badan-badan korporat yang besar, terutamanya penyertaan secara tidak langsung oleh institusi-institusi kewangan dalam industri sekuriti di samping langkah-langkah tertentu yang telah diambil untuk mempermodenkan pasaran modal dan sistem kewangan negara ini, saya yakin bahawa sistem yang ada adalah mencukupi untuk menjamin kejayaan pasaran saham di negara ini.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sejauh manakah pihak Kementerian yakin bahawasanya dengan pemisahan BSKL ini, kita akan dapat menghindarkan pengaruh-pengaruh seperti mana berlaku pada bidang ini misalnya semasa kejatuhan PAN-EL dahulu?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Partua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, angka-angka tunjuk BSKL telah menunjukkan peningkatan yang nyata selepas pengumuman

pemisahan ini dibuat, kecuali pada minggu pertama dan kedua selepas pengumuman apabila pelabur-pelabur mengambil sikap tunggu dan lihat.

Kementerian dan juga Kerajaan yakin bahawa usaha ini tidak akan mendatangkan keburukan kepada industri sekuriti, malahan kita yakin usaha pemisahan ini akan menyebabkan pasaran saham kita akan berkembang dengan lebih baik lagi,

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan iaitu mengenai kegiatan yang sudahpun dimaklumi oleh Kementerian di dalam BSKL iaitu terdapat satu jenis penyelewengan secara halal dan halus iaitu dagangan dalaman. Bagaimanakah tindakan-tindakan selanjutnya diambil oleh Kementerian bagi menyekat perkembangan yang tidak sihat seperti ini yang boleh menurunkan lagi imej BSKL?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Partua, Kementerian Kewangan akan mengetatkan lagi kawalan kita melalui undang-undang dan peraturan yang ada berkenaan dengan BSKL ini.

Baru-baru ini dalam minggu yang lalu, Yang Berhormat Menteri sendiri telah memberi suatu amaran kepada pihak-pihak yang terlibat supaya tidak melakukan kegiatan yang tersebut.

Saya yakin kita mampu mengadakan penguatkuasaan sehingga perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dapat kita atasi.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Tuan Yang di-pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Kewangan masih adakah lagi broker-broker Bursa Saham Singapura dibenarkan berurusniaga dengan BSKL secara rasmi atau tidak?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua,

mengikut peraturan kita, cuma broker saham yang berdaftar di Malaysia sahaja yang boleh menjalankan segala urusan di BSKL. Broker-broker saham yang lain tidak dibenarkan melakukan transaksi itu tanpa melalui broker-broker saham kita di sini. Jadi, perkara Yang Berhormat sebutkan tadi, tidak akan mungkin berlaku dalam keadaan seperti yang dinyatakan.

**SAMSU HARAM**

2. **Tuan K. Sivalingam** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah Kerajaan berjaya menghapuskan masalah samsu haram selepas menggubal undang-undang baru. Bolehkah pihak berkenaan memberi laporan terperinci? Adakah Kerajaan sedar bahawa samsu haram ini diedarkan dalam berbagai bentuk lain termasuk samsu halal dan apakah tindakan Kerajaan dalam hal seumpama ini?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kejayaan yang dicapai oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dalam usaha untuk menghapuskan masalah samsu haram dapat dilihat melalui rampasan dan juga tangkapan yang telah dibuat seperti berikut:

	1987	1988	1989
Rampasan	12 kes	44 kes	29 kes
Kuantiti	160.31 liter	910.86 liter	333.97 liter
Nilai	\$617.19	\$7,049.15	\$3,506.71
Kompaun yang dibayar	\$2,320.00	\$14,510.00	\$1,300.00

Kerajaan sedar bahawa samsu haram ini diedar dalam berbagai bentuk dan cara. Tindakan-tindakan mengesan kegiatan memproses/mengedar samsu haram telah dipergiatkan lagi yang mana hasilnya telah terbukti sebagaimana kejayaan yang dicapai seperti yang tersebut di atas.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Pada kefahaman saya, bila disebutkan tentang minuman dan makanan yang haram dan halal ini bagi orang Islam sahaja. Jadi, dalam soalan ini, apa maknanya dimaksudkan samsu haram dan samsu halal ini [Ketawa].

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, semua istilah yang digunakan oleh Kementerian Kewangan tentang haram dan halal ini tidak berkaitan dengan hukum. Misalannya, katalah samsu yang memanglah bagi orang Islam tidak boleh minum. Dengan sebab itu, haram itu dimaksudkan samsu yang diperoses tanpa mendapat lesen dan 'permit' daripada Kerajaan. Walau bagaimanapun, untuk rekod Dewan ini, walaupun ada minuman keras yang diperoses, ada mendapat 'permit', itu pun tidak halal dari segi Islam. Itu pun haram juga, Saya mengingat sahajalah.

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bolehkah mengkaji kemungkinan untuk menggubal satu undang-undang supaya orang-orang yang berumur 18 tahun ke bawah tidak dibenarkan ataa diharamkan membeli minuman-minuman keras atau membeli, membawa, menyimpan atau meminum, kerana pada masa ini kita nampak budak-budak sekolah membeli samsu dari kedai minuman haram; membeli, membawa dan membuat segala-gala kegiatan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat satu rang undang-undang.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, murid-murid sekolah yang di bawah umur ini mereka adalah jagaan ibu-bapa. Saya mencadang supaya ibu-bapa tidak minum samsu supaya anaknya tidak ikut. [Ketawa]

#### WAKIL MALAYSIA DALAM MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU

3. **Tuan V.K. Sellapan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengenai usaha-usaha serta penglibatan wakil Malaysia dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu khususnya peranannya sebagai Pengerusi Majlis tersebut. Adakah kita mempunyai kuasa untuk mempengaruhi sesuatu keputusan.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah dinyatakan di masa-masa yang lepas, perlantikan Malaysia sebagai Ahli Majlis Keselamatan, Bangsa-bangsa Bersatu bagi penggal 1989-1990 mencerminkan keyakinan masyarakat-masyarakat antarabangsa terhadap keupayaan Malaysia untuk menyumbang dengan berkasannya kepada usaha-usaha bagi mengekalkan keamanan dunia. Setelah hampir setahun penglibatan negara kita di Majlis tersebut, kita telah membuktikan bahawa kita sememangnya mempunyai keupayaan tersebut.

Malaysia telah menjadi Presiden kepada Majlis iaitu pada bulan Januari, tahun ini. Kita telah melaksanakan tanggungjawab sebagai Presiden dengan jayanya dan telah menerima penghargaan serta sanjungan daripada ahli-ahli Majlis Keselamatan.

Isu-isu yang telah Malaysia kendalikan sebagai Presiden Majlis Keselamatan, Bangsa-bangsa Bersatu pada bulan Januari, tahun ini adalah seperti berikut:

- (a) penembakan dua pesawat pejuang Libya oleh Amerika Syarikat di ruang angkatan lautan Mediterranean;
- (b) pengundian untuk mengisi kerusi di, dengan izin, "international Court of Justice" yang dikosongkan akibat kematian seorang Hakim dari India;
- (c) pelaksanaan Pelan Penyelesaian Kemerdekaan Namibia;
- (d) perlanjutan mandat UNIFIL, dengan izin, "United Nations Interim Force in Lebanon"; dan
- (e) isu Palestine.

Sebagai Presiden Majlis Keselamatan tersebut, Malaysia telah mempengerusikan sebanyak 9 mesyuarat rasmi, 5 perundingan tidak rasmi dari berbagai perundingan dua hala, dan kita telah berjaya mendapat kata sepakat untuk menghasilkan 4 resolusi Majlis Keselamatan bagi isu-isu yang telah saya sebutkan sebentar tadi.

Kejayaan kita yang cemerlang sekali sebagai Presiden Majlis Keselamatan adalah telah mengatasi kebuntuan pada perjalanan Resolusi 629. Resolusi tersebut bertujuan untuk menetapkan 1hb April, 1989 sebagai tarikh permulaan bagi pelaksanaan proses kemerdekaan Namibia di samping meluluskan penempatan pasukan keselamatan UNTAG (United Nations Transition Assistance Group) ke Namibia. Perbincangan untuk mencapai kata sepakat terhadap Resolusi 629 telah beberapa kali sampai ke jalan buntu kerana pendirian yang bercanggah antara pihak Ahli-ahli Tetap, dengan izin, Permanent Members dan pihak Negara-negara Berkecuali berbubung dengan kos penyelenggaraan serta jumlah anggota UNTAG yang akan dihantarkan ke Namibia. Kebuntuan tersebut telah dapat diatasi semasa kita menjadi Presiden apabila Wakil Tetap kita telah berjaya mempengaruhi kedua-dua pihak untuk bertolak ansur dan menerima draf resolusi yang telah kita ubahsuaikan. Draft Resolusi 629 yang telah kita ubahsuaikan itu telahpun diterima dan diluluskan oleh Majlis Keselamatan pada 16hb Januari, 1989. Ini adalah satu contoh yang jelas membuktikan bahawa Malaysia sememangnya mempunyai kuasa untuk mempengaruhi sesuatu keputusan di Majlis Keselamatan, Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari menjadi Presiden Majlis, kita telah juga mengambil bahagian dengan aktifnya dalam semua perbahasan yang diadakan mengenai isu-isu yang telah ditimbulkan di Majlis tersebut. Bersama-sama dengan Negara-negara Berkecuali, kita telah berjaya memastikan bahawa semua keputusan yang dibuat di Majlis Keselamatan, Bangsa-bangsa Bersatu mencerminkan kepentingan-kepentingan Negara-negara Berkecuali dan negara-negara yang membangun.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagai anggota Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri membayangkan apakah kemungkinan pendirian Kerajaan Malaysia apabila masalah Panama akan dibangkitkan dalam Majlis itu nanti?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan pendirian Kerajaan Malaysia belum dapat saya putuskan ketika ini sebab ianya perlu dibawa pada perbincangan di antara pihak-pihak pentadbiran Kerajaan dan juga pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri selepas mendapat laporan yang lengkap, yang penuh berkenaan dengan pengolakan di Panama akhir-akhir ini,

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, negara Malaysia mempunyai satu dasar yang dianggap dasar berkecuali tetapi apabila di dalam sesuatu rundingan di peringkat dunia, saya tengok negara Malaysia ini begitu mengambil berat seolah-olahnya ia menjadi 'first speaker' memperjuangkan nasib negara-negara yang lain.

Umpamanya macam Timbalan Menteri menyebutkan berkenaan peristiwa penembakan jet Libya yang dilakukan oleh Amerika. Selepas rundingan di Majlis Keselamatan, Bangsa-Bangsa Bersatu atas masalah ini yang mana Malaysia mengambil peranan di dalam memperjuangkan Libya itu, adakah Amerika menganggap sesuatu kepada Malaysia ini dan menunjukkan satu reaksi yang boleh kita juga begitu cemburu kepada Amerika sehingga sekarang terutamanya apabila Amerika hendak meletakkan 'base' di Singapura.sekarang. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri,

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, dasar luar Kerajaan Malaysia jelas dan nyata yang mana kita tetap mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan sesebuah negara dan kita tidak mahu campurtangan di dalam mana-mana kuasa luar, terhadap mana-mana negara yang merdeka dan berdaulat. Maka tujuan Malaysia menyokong mana-mana negara, mana-mana pertubuhan itu adalah komitmen negara kita dan Kerajaan kita di atas dasar yang saya sebutkan awal-awal tadi dan kita harus tidak bercanggah, harus 'consistent' dengan izin, dengan sikap kita untuk mengamalkan dan memperjuangkan dasar-dasar yang telah kita putuskan dari awal-awal lagi.

Oleh kerana kita menganggapkan kita kota apa yang kita kata sebagai perkara yang penting, maka itulah sebab Malaysia terus-menerus dan sentiasa 'consistent', dengan izin, dengan segala pendirian yang dibuat bagi menyokong mana-mana buah negara yang tertindas, yang dicerobohi atau mana-mana pertubuhan yang disalah ataupun yang disilap atau yang telahpun dikacau, dicerobohi ataupun dimasuki oleh mana-mana kuasa luar yang ingin melanggar dasar yang diperjuangkan oleh negara kita.

**KECICIRAN MURID-MURID SELEPAS SRP**

- 4. Dr. Ng Khok Kiung** minta Menteri Pendidikan menyatakan:
- (a) kadar keciciran murid-murid selepas Tingkatan Tiga (SRP) bagi tahun-tahun 1987, 1988 dan 1989; dan
  - (b) tindakan yang sedang diambil untuk mengurangkan kadar keciciran ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Kadar keciciran dari tingkatan 3 ke tingkatan 4 bagi tahun 1987, 1988 dan 1989 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Peratus</b>
1987	34%
1988	34.9%
1989	33.5%

- (b) Kementerian Pendidikan sedang mengambil tindakan dan sedang berusaha untuk mengurangkan kadar-kadar keciciran ini dengan berbagai langkah. Di antaranya adalah seperti berikut:
  - (i) di kebanyakan sekolah kita mengadakan kelas-kelas tambahan khususnya kepada pelajar-pelajar yang lemah dalam matapelajaran-mata pelajaran tertentu;

- (ii) kita juga memberi bantuan dan bimbingan kepada pelajar-pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran dan juga masalah peribadi; dan
- (iii) kita mengambil langkah mengadakan kursus dalam perkhidmatan untuk guru-guru kita.

#### [GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tempohkan Mesyuarat ini selama setengah jam. Kita bersidang semula kira-kira pada pukul 3.25 petang.

**Persidangan ditempohkan pada pukul 2.55 petang.**

**Persidangan disambung semula pada pukul 3.27 petang.**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan untuk menyambung jawapan bagi soalan No. 4.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambung soalan saya tadi bahawa langkah yang ketiga yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan ialah mengadakan kursus dalam perkhidmatan untuk guru-guru yang mengajar kelas-kelas peperiksaan. Kursus ini bertujuan untuk kita mempertingkatkan lagi dan menambahkan kemahiran guru-guru dalam strategi pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Kementerian Pendidikan menyatakan sama ada apakah nasib kepada 33.54% pada tahun 1989 murid-murid yang tercicir daripada sekolah? Adakah murid-murid yang tercicir daripada sekolah itu Kementerian telah memberi mereka peluang untuk mengambil kursus latihan kemahiran?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa dalam kita berusaha untuk memberi peluang-peluang untuk pelajar-pelajar kita atau penuntut-penuntut yang tercicir ini atas sebab-sebab tertentu dan usaha Kerajaan ialah menerusi agensi-agensi yang bukan di bawah jagaan Kementerian Pendidikan sahaja, tetapi Kementerian-kementerian yang lain dan mereka ini adalah khususnya diberi peluang untuk mendapat latihan kemahiran seperti di Pusat-pusat Latihan Belia, Pusat-pusat Kemahiran MARA dan lain-lain.

**Tuan Haji Ibrahim bin Jendol:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, daripada 34% pada tahun 1987, 34.9% pada tahun 1988 dan 33.5% pada tahun 1989 kadar keciciran murid-murid, berapa agaknya kadar mereka yang tidak tahu menulis di kalangan mereka yang tercicir ini dan yang keduanya berapa peratuskah agaknya kadar buta huruf yang terdapat dalam negara kita sekarang?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tidak ada angka-angka yang tepat untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, tetapi dalam masalah keciciran ini adalah atas kadar pelajar-pelajar yang masuk ke Tingkatan III dalam tahun yang tersebut. Jadi ini adalah berasas bahawa yang tercicir itu mungkin selepas atau ada juga termasuk yang menduduki SRP dan yang lain-lain juga ada.

Masalah yang kita masih hadapi ialah di luar bandar di mana mereka ini dalam setahun mungkin 2-3 minggu sahaja yang berada di sekolah, dan ini adalah satu masalah yang saya boleh katakan, haruslah berusaha bukan sahaja oleh pihak Kementerian yang menyediakan kemudahan dan peluang untuk belajar, tetapi adalan juga kita harus bersama untuk menukarkan sikap-sikap dalam masyarakat yang masih belum memberi begitu berat dalam menghantar anak mereka dan memastikan anak mereka ada dalam sekolah, yang sepatutnya dalam lengkungan umur persekolahan itu.

Untuk soalan kedua tadi bahawa kadar buta huruf kita, saya tidak, ada angka yang tepat di sini dan untuk menganalisa dari pelajar-pelajar yang tercicir itu, kita tidak ada angka seperti itu.

#### DAGANGAN DUA HALA MALAYSIA-CHINA

5. **Puan Norani binti Beluah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah kerjasama dalam bidang ekonomi yang telah didapati hasil dari lawatan ke Negeri China baru-baru ini.

28.12.89

**24. Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah permohonan dan jenis pelaburan daripada orang asing (nyatakan negara) dan pelabur dalam negeri yang diterima dan diluluskan tahun ini di Malaysia dan di Sarawak khususnya;
- (b) hasil lawatan-lawatan beliau/MIDA ke luar negeri akhir ini;
- (c) jenis dan jumlah dagangan dua hala di antara Malaysia dan China pada tahun 1988/1989; dan
- (d) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki lagi perhubungan dagangan terus dengan China.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian**

**[Dato Dr. K.S. Nijhar]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Norani, saya meminta izin untuk menjawab pertanyaan mulut daripada Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King yang dijadualkan untuk dijawab pada 28 Disember, 1989, (c) dan (d).

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato Dr. K.S. Nijhar:** Sukacita dimaklumkan bahawa jumlah dagangan dua hala Malaysia-RRC dalam tahun 1987/1989 ialah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Import</b>	<b>Eksport</b>	<b>Jumlah</b>
1987	\$ 943.1 juta	\$ 702.8 juta	\$1645.9 juta
1988	\$1265.9 "	\$1090.0 "	\$2355.9
1989	\$1131.0 "	\$802.0 "	\$1933.0

(Jan-Ogos)

Jenis barang-barang eksport utama Malaysia ke RRC ialah minyak kelapa sawit, papan lapis, kayu yang digergaji, getah dan biji koko yang merangkumi lebih kurang 57% dari jumlah eksport ke RRC di tahun 1988. Barang import utama yang diimport oleh Malaysia dari RRC ialah bijiran, buah-buahan dan sayur-sayuran, bahan-bahan makanan haiwan, minyak bijiran, bahan-bahan logam, kimia, kertas dan tekstil

yang merangkumi lebih kurang, 65% daripada jumlah import Malaysia dari RRC di tahun 1988.

Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah bagi memperbaiki lagi perhubungan dagangan terus dengan China seperti berikut:

- (a) dalam tahun 1988 Malaysia dan China telah memeterai perjanjian perdagangan bagi meningkatkan hubungan dagangan dua hala. Di bawah perjanjian tersebut eksport Malaysia ke RRC akan menikmati keistimewaan duti import.
- (b) perdagangan import dengan RRC telah dilonggarkan. Pengimport-pengimport yang ingin mengimport barang dari China tidak lagi diperlukan memohon lesen import.
- (c) Malaysia telah menjalankan program galakan eksport ke RRC bagi meningkatkan eksport umpamanya penyertaan Malaysia dalam 'First Beijing International Trade Fair', dengan izin pada tahun ini dan penghantaran rombongan perdagangan yang dikektuai oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Hasil dari rombongan tersebut, pihak RRC telah mengambil keputusan untuk meningkatkan lagi import bahan-bahan mentah dari Malaysia, khususnya minyak kelapa sawit. Selain dari itu RRC telah menunjukkan minat untuk mengimport barang-barang separuh siap Malaysia seperti papan lapis, kayu gergaji dan beberapa bahan kimia. Rombongan Malaysia telah berjaya menjual

keluaran getah, 'palm olein' dan minyak kelapa sawit serta meningkatkan import bahan-bahan dari sutera dan benang dari China untuk industri tekstil tempatan, khususnya industri batik.

- (d) peraturan untuk melawat ke RRC oleh ahli-ahli perniagaan Malaysia telah dilonggarkan dimana mereka boleh diberi permit melawat berkali-kali (multiple entry permit) ke RRC untuk tempoh 12 bulan dan bagi mereka yang melawat buat pertama kali ke RRC telah dikecualikan dari mendapat surat jemputan di RRC. Ini dapat dilihat dari pertambahan jumlah ahli-ahli perniagaan Malaysia yang melawat RRC. Umpamanya untuk tahun 1987, Kerajaan telah membenarkan seramai 627 orang ahli-ahli perniagaan Malaysia melawat RRC dan jumlah tersebut telah meningkat ke 780 orang dalam tahun 1988. Dalam tempoh bulan Januari hingga November, 1989, sebanyak 1,676 ahli-ahli perniagaan Malaysia telah membuat lawatan ke RRC.
- (e) sehubungan dengan dasar melonggarkan syarat-syarat lawatan ke atas rakyat Malaysia dan China untuk melawat antara satu sama lain Kerajaan telahpun membenarkan MAS mengadakan perkhidmatan penerbangan antara Malaysia dan China.

- (f) pada masa yang sama Kerajaan juga menggalakkan pihak China mengambil bahagian dalam pameran-pameran perdagangan di Malaysia untuk meningkatkan lagi minat dan kesedaran di kalangan ahli-ahli perniagaan di China dan Malaysia untuk membuat perdagangan secara terus antara mereka. Sebagai contoh dalam tempoh 3 tahun berturut-turut pihak China telah mengambil bahagian dalam pameran-pameran perdagangan yang dianjurkan oleh sektor swasta Malaysia seperti Pameran Antarabangsa, Malaysia. (MIF)
- (g) Kerajaan telah membenarkan seramai 807 orang rakyat China melawat Malaysia dalam tahun 1988 dan seramai 1.015 rakyat China melawat Malaysia dalam tempoh bulan Januari - November, 1989.

Semasa rombongan perdagangan ke RRC, perkara-perkara berhubung dengan pelaburan usahasama dalam projek-projek tertentu di Malaysia dan RRC adalah dibincangkan. Hasil dari perbincangan tersebut beberapa tindakan susulan telah diambil oleh kedua-dua pihak dalam melaksanakan projek-projek yang melibatkan penggunaan, bahan-bahan mentah Malaysia seperti minyak kelapa sawit, getah dan buah-buahan tempatan.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Saya ingin bertanya Yang Berhormat, berapa banyakkah di segi nilai ringgit Malaysia perdagangan ala barter-trade dijalankan dengan RRC pada tahun ini.

**Dato Dr. K.S. Nijhar:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini Kementerian tidak mempunyai data berkaitan dengan barter-trade di antara Malaysia dengan China. Walau bagaimanapun, apabila saya

balik ke pejabat, saya cuba tengok, kalau dapat, saya akan menghantar data-data ini secara bertulis pada Yang Berhormat.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan **ini**, apakah kepentingan kerjasama ekonomi antara RRC dan negara kita dan berapakah belanjawan yang telahpun dialami oleh Kerajaan kita terhadap menarik pelabur-pelabur ke negara kita.

**Dato Dr. K.S. Nijhar:** Tuan Yang di-Pertua, perdagangan dua-hala di antara Malaysia dan China adalah penting. Walau bagaimanapun, pada masa.kini jumlah perdagangan di antara Malaysia dan China adalah rendah sedikit dan di paras 2.3% sahaja daripada jumlah perdagangan Malaysia dan negara-negara lain. Walaupun demikian, penduduk-penduduk China adalah lebih 1 juta dan adalah harapan Kementerian pada masa akan datang perdagangan ini boleh dipertingkatkan lagi apabila negara Ghina mencapai lebih pertumbuhan ekonomi.

Dari segi pelaburan China ke Malaysia, dari sedikit data yang ada di sini yang menunjukkan kepentingan China dalam perdagangan atau pelaburan di Malaysia. MIDA pada masa ini telah meluluskan tiga projek perindustrian, jumlah pelaburannya lebih kurang \$11.3 juta. Walau bagaimanapun, projek ini belum lagi beroperasi dan kita harap pada tahun akan datang projek ini bolehlah dapat beroperasi. Selain daripada itu, saya ingin tegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, pentingnya ekonomi negara Malaysia dan China ialah kerana pasaran negara China adalah pasaran baru, bukan tradisional, dan jikalau kita boleh menembusi pasaran ini, itu adalah satu keuntungan yang lebih baik kepada negara kita.

#### PROGRAM DIMENSI

**6. Tuan C. Krishnan** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa program "Dimensi" tidak begitu popular di kalangan penduduk luar bandar khususnya pekerja-pekerja ladang. Jika ya, adakah Kementerian bercadang untuk mengekalkan program Tumpuan Minggu sebelum pilihanraya yang akan datang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Ahmad Dusuki bin Haji Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, rancangan 'Dimensi' merupakan salah satu daripada 10 rancangan yang paling popular (Top 10) dalam siaran RTM, dan ianya merupakan satu rancangan yang memaparkan masalah-masalah rakyat yang disiarkan di dalam Bahasa Malaysia. Kandungan rancangan tersebut bukan sahaja menarik minat orang-orang tempatan tetapi Badan Penyiaran Jepun (NHK) telah juga menunjukkan minat untuk membeli rancangan 'Dimensi' keluaran RTM untuk siaran di Jepun pada setiap minggu dan negara-negara yang menerima isyarat siaran mereka melalui satelit.

Sesungguhnya kajian menunjukkan ramai penonton luar bandar termasuk pekerja-pekerja ladang tertarik dengan rancangan-rancangan 'Dimensi' iaitu kira-kira 1.63 juta penonton daripada 9.02 juta kapasiti keseluruhan penonton TV. Namun demikian, Kementerian sedar bahawa ianya tidak dapat memenuhi selera semua penonton. Walaupun begitu, Kementerian dari masa ke semasa akan berusaha untuk meningkatkan mutu siaran dan kandungan rancangan tersebut bagi memenuhi selera para penonton.

Mengenai rancangan "Tumpuan Minggu", Kerajaan telah mengkaji semua rancangan-rancangan yang menggunakan bahasa sesuatu kaum dan didapati adalah wajar rancangan sedemikian diganti dengan rancangan-rancangan yang bercorak kebangsaan dengan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Nasional untuk menyatupadukan rakyat. Lebih-lebih lagi menurut kajian kita, penonton 'Tumpuan Minggu' hanya sekitar 100,000 sehingga 150,000 orang sahaja.

Dengan cara ini, sebarang masalah yang dihadapi oleh sesuatu kaum di Malaysia akan juga disedari dan difahami oleh masyarakat keturunan lain bagi tujuan menimbulkan kesedaran bersama, memupuk perpaduan rakyat serta menonjolkan identiti kebangsaan.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang lazimnya dipaparkan di dalam rancangan "Tumpuan Minggu" kini sudah-pun diselitkan dalam program-program Ehwat Semasa lain seperti "Berita", "Dimensi" sendiri, "Selamat Pagi Malaysia" dan "Wawancara" yang ditonton oleh semua keturunan dan lapisan rakyat Malaysia.

Dengan itu, RTM tidak bercadang menyiarkan rancangan-rancangan yang bercorak perkauman seperti "Tumpuan Minggu" dan lain-lain, tetapi dari semasa ke semasa akan memperkenalkan rancangan-rancangan yang boleh meningkatkan perpaduan, rasa cinta negara serta memberi kesedaran kepada rakyat tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh negara.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tidak mempertikai dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa usaha Kerajaan iaiah untuk menyatupadukan segala kaumnya melalui rancangan-rancangan RTM. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada golongan-golongan pekerja ladang masih belum fasih di dalam Bahasa Malaysia? Tujuan utama Kerajaan ialah untuk menyampaikan pesanan mesejnya atau kepada pekerja-pekerja ladang. Sekiranya mereka tidak beberapa fasih, apakah sebabnya Kerajaan tidak boleh mengekalkan rancangan "Tumpuan Minggu".

**Dato' Haji Ahmad Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, pihak RTM telahpun membuat kajian dalam hal ini dan telahpun

mendapat feedback daripada penonton- penonton televisyen dan termasuk juga di kalangan pekerja-pekerja di ladang-ladang, didapati jumlah penonton Tumpuan Minggu ini amat sedikit kalau hendak dibandingkan dengan kapasiti penonton televisyen pada keseluruhannya dan ini juga termasuk penonton- penonton di estet-estet sendiri. Oleh yang demikian pihak RTM memikirkan bahawa program yang seumpama itu ditukarkan kepada program-program yang mempunyai matlamat dan tujuan yang sama di bawah program-program hal-ehwal semasa yang lain. Program Tumpuan Minggu ini adalah merupakan cerita lama dan telahpun dihentikan pada minggu pertama bulan April tahun 1988 lagi.

#### PERMIT AP MOTOKAR

7. **Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan dalam tempoh tiga tahun kebelakangan **ini**, berapa banyak jumlah permit AP Motokar telah dikeluarkan. Apakah kesan yang dibawa oleh permit AP ini terhadap pengusaha motokar terpakai.

**Dato Dr. K.S. Nijhar:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh tiga tahun kebelakangan ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah meluluskan lesen import bagi pengimportan 20,315 unit kereta baru dan terpakai dari luar negeri. Sebenarnya jumlah pengimportan yang dibenarkan ini tidak memberi kesan yang buruk kepada pengusaha kereta terpakai oleh kerana bilangan yang dibenarkan import pada tiap-tiap tahun adalah dikawal pada paras yang tidak menjejaskan industri kereta tempatan.

**Tuan Hg Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka meminta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian membuat penjelasan kepada Dewan yang

mulia ini, apakah tujuan Kementerian untuk mengadakan AP untuk motosikal dan apakah dasar untuk mengeluarkan AP untuk motosikal-motosikal. Saya sebut demikian kerana ada setengah-setengah pihak telah menyelewengkan, salahgunakan AP permit ini apabila dapat daripada Kementerian dan siapakah yang berkecualan untuk memohon AP Motosikal.

**Dato Dr.K.S.Nijhar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak salah, ada lagi satu soalan berkaitan dengan AP Motosikal yang akan ditimbulkan pada minggu hadapan. Oleh itu saya tidak akan menjawab sekarang ini berkaitan dengan motosikal. Walau bagaimanapun, jikalau Yang Berhormat hendak mendapat keterangan kepada motokar, saya boleh memberi.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ada juga berkaitan dengan AP Motokar.

**Dato Dr. K.S.Nijhar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan bagi tujuan Kerajaan berkaitan dengan pemberian kuota kepada AP Motokar, tujuan asal bagi sekatan kuota yang dikenakan ke atas pengimportan kenderaan bermotor adalah untuk memberi perlindungan kepada industri kereta pemasangan tempatan. Itulah tujuan yang asal.

Selain daripada tujuan itu sekatan kuota ini telah digunakan untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat bumiputera di negara kita bergiat di dalam perniagaan penjualan kereta. Berasaskan kepada tujuan dan objektif ini, pemberian kuota import kenderaan telah dihadkan kepada syarikat-syarikat bumiputera sahaja yang mana di samping menjalankan penjualan kereta tempatan, diberi peluang untuk menambahkan perniagaan yang sedia ada melalui penjualan kereta import.

Bagi jawapan aspek kedua, dasar pemberian kuota itu ialah bagi menjamin perkembangan yang terkawal oleh kedua-dua industri kereta pemasangan tempatan dan perniagaan import kereta, Kementerian telah membuat keputusan untuk mengawal had paras kuota pada tahap 10% daripada jumlah pengeluaran kereta tempatan. Ketika ini kedudukan paras kuota yang diluluskan berbanding dengan jumlah pengeluaran kereta tahun 1988, menunjukkan lebih sebanyak 9.1% iaitu 19% berbanding dengan matlamat 10%. Memandangkan perlunya paras kuota semasa dikurangkan untuk mencapai 10% yang ditetapkan, Kementerian akan terus mengekalkan keputusan membekukan permohonan baru untuk mendapatkan kuota baru.

Bagi jawapan aspek ketiga, bagi menyalahgunakan permit-permit **ini**, Tuan Yang di-Pertua, disamping tujuan dan dasar yang tersebut tadi, Kementerian juga menjalankan siasatan dari masa kesemasa atau syarikat pemegang kuota di seluruh negara dengan tujuan untuk memastikan syarikat-syarikat mengendalikan kuota tanpa bantuan dari syarikat lain. Sekiranya terbukti syarikat ada melakukan kesalahan atau menyalahgunakan permit itu maka tindakan yang sewajarnya akan diambil untuk menarik balik kuota dari syarikat yang berkenaan.

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pernahkah Kementerian Yang Berhormat tidak mengeluarkan permit AP motokar kepada orang persendirian termasuk Ahli-ahli Parlimen. Jikalau benar, nyatakan sebab-sebabnya.

**Dato Dr. K.S. Nijhar:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya harap saya menjelaskan sedikit dasar lagi sekali. Pengimportan dalam bentuk CBU atau Completely built-up Unit adalah diberi untuk tujuan berikut; "Syarikat-syarikat pemegang kuota sahaja, terhad kepada jumlah kenderaan yang diluluskan tiap-tiap tahun", kepada orang perseorangan yang ingin membawa balik kereta kepunyaan sendiri dari luar negeri, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Ini termasuklah Pegawai-pegawai Kerajaan yang berkhidmat di luar negeri dan wakil-wakil Kerajaan negara asing yang ditempatkan di negara ini dan akan dibawa balik ke rumahnya. Tetapi MP-MP tidak dapat **ini**, oleh kerana syarat-syarat yang sedia ada di sini tidak memberi AP ini kepada Ahli-ahli Parlimen.

#### AGENSI KERAJAAN YANG DISWASTAKAN

8. **Tuan Lim Heng Tee** minta Perdana Menteri menyatakan:
- (a) mana agensi Kerajaan dan kegiatan yang telah diswastakan sehingga sekarang dan kepada siapa. (Sila namakan kedua-dua pihak);
  - (b) apakah agensi Kerajaan dan kegiatan penting yang lain yang sudah dirancang dalam rancangan penswastakan; dan
  - (c) apakah faedah kewangan dan sosio ekonomi yang dijangka akan dapat dari penswastakan tersebut.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat 23 agensi atau projek Kerajaan telah diswastakan yang melibatkan perusahaan-perusahaan pengangkutan, pembinaan, pertanian, perhubungan, utilities, dan

perkhidmatan. Butir-butir mengenai nama projek, nilai projek/nilai jualan dan nama pemilik baru yang mengendalikannya adalah seperti berikut:

<b>Projek</b>	<b>Pemilik Baru</b>
1. Sports Toto Malaysia Bhd.	B & B Enterprise Sdn. Bhd. Raleigh Bhd.
2. Malaysia Airline System Bhd. (MAS)	Orang ramai (tawaran terbuka)
3. Malaysia International Shipping Corporation Bhd. (MISC)	Orang ramai (tawaran terbuka)
4. Jalan Pintas Klang Utara	Shahpadu Properties Sdn. Bhd.
5. Jejambat Jalan Kuching	Seri Angkasa Sdn. Bhd.
6. Tradewinds Berhad	Orang ramai (tawaran awam)
7. Bekalan Air Labuan	Labuan Water Supply Sdn. Bhd.
8. Lebuhraya Utara Selatan	United Engineers (UEM) Sdn. Bhd.
9. TV3	Sistem Televisyen Malaysia Bhd.
10. Jejambat/Jejantas di Sekitar Kuala Lumpur	Teratai KG Sdn. Bhd.
11. Pemusnahan Sampah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Tenggara Engineering Sdn. Bhd.
12. Depoh baikpulih kapalterbang	AIROD Sdn. Bhd.
13. Terminal Kontena Pelabuhan Klang	Kelang Container Terminal Sdn. Bhd.
14. Bekalan Air Semenyeh	Taliworks Consortium Sdn. Bhd.
15. Pemasaran masa pengiklanan radio Malaysia.	Megamedia Sdn. Bhd.
16. Penyelenggaraan telaga-telaga tiub	Trans-Labuah Sdn. Bhd.
17. Jabatan Telekom Malaysia	Diperbadankan sebagai Syarikat Telekom Malaysia Bhd.
18. Sebahagian dari Aktiviti-aktiviti pemasaran RISDA	Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Berhad (NARSCO)

<b>Projek</b>	<b>Pemilik Baru</b>
19. Labuan Beaufort Interconnection	LBI Sdn.Bhd.
20. Gula Padang Terap Sdn.Bhd.	Bahagian Mewah Sdn.Bhd.
21. Bekalan Air Ipoh, Perak	Metropolitan Utilities Corporation Sdn. Bhd.
22. Cement Manufacturing Sarawak Berhad	Orang ramai (tawaran awam)
23. Bekalan Air Larut Macang	Innovest Lypnnaise Sdn.Bhd.

Agensi/kegiatan penting yang sedang dirancang untuk diswastakan adalah seperti berikut:

- (i) Metrolirik; -
- (ii) Pemeriksaan Kenderaan Komersial Jabatan Pengangkutan Jalan;
- (iii) Cawangan Percetakan Keselamatan, Jabatan Percetakan Negara,
- (iv) Pusat Penjualan Khinzir, Shah Alam;
- (v) Keretapa Tanah Melayu;
- (vi) Lembaga Letrik Negara;
- (vii) Pelabuhan-pelabuhan;
- (viii) Lapangan-lapangan Terbang Malaysia; dan
- (ix) Komplek-komplek Pelancongan,

Kerajaan juga sedang menimbang untuk menswastakan beberapa perkhidmatannya seperti Makmal Ubat dan Stor, pengeluaran/pemasaran vaksin dan lain-lain. Pelan Induk Penswastakan pula telah mengenai-pasti agensi/projek Kerajaan yang sesuai diswastakan. Kerajaan sedang mengkaji kedudukan agensi atau projek berkenaan sebelum tindakan selanjutnya diambil.

Sejak Dasar Penswastakan dilaksanakan, Kerajaan telah berjaya mengurangkan perbelanjaan pengurusan bagi sejumlah kira-kira 30,719

orang kakitangannya. Hasil dari dasar ini juga pihak swasta telah membelanjakan sebanyak \$5,654 juta atau \$5.6 billion untuk membangunkan projek baru yang sepatutnya dilaksanakan oleh Kerajaan. Kerajaan juga telah memperolehi hasil sebanyak \$755 juta daripada pelaksanaan dasar ini. Dari segi faedah sosio-ekonomi pula, Kerajaan menjangkakan Dasar Penswastaan akan dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih banyak, menyediakan peluang kemajuan kerjaya yang lebih luas kepada kakitangannya, meningkatkan produktiviti, meningkatkan mutu perkhidmatan dan memperbanyakkan pilihan kepada pengguna.

**Tuan Haji Ibrahim bin Jendol:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, daripada 23 agensi yang telah diswastakan oleh Kerajaan, adakah terdapat orang yang sama mendapat kepentingan penswastaan ini ataupun adakah terdapat dikalangan Ahli-ahli Lembaga Pengarah, jika syarikat itu diswastakan mempunyai Lembaga Pengarah yang sama.

Kedua, apakah kriteria pada kasarnya yang Kerajaan memberikan (menswastakan) agensi-agensi ini kepada syarikat-syarikat yang berkenaan; dan

Ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, adakah tidak tinggal lagi kuasa Kerajaan kepada syarikat-syarikat yang mana projek-projek ataupun agensi-agensi yang telah diswastakan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, biasanya dalam soalan yang pertama itu, kita tidak membenarkan hanya sesuatu syarikat menguasai bidang penswastan ini. Adalah menjadi harapan Kerajaan bahawa semua rakyat Malaysia yang sanggup untuk mengambil alih syarikat-syarikat atau badan Kerajaan, dianya akan diberi peluang untuk mereka mengambil alih syarikat **ini**. Jadi, dalam soal Kerajaan hendak memberikan dua, tiga syarikat kepada satu individu atau satu syarikat, ini adalah tidak timbul kerana pihak EPU di-Jabatan Perdana Menteri memang mempunyai kedudukan untuk mengkaji, menilai dan juga menimbang permohonan-permohonan yang dikemukakan kepada Kerajaan.

Yang keduanya, tentang kriteria syarikat-syarikat itu sukaiah dijelaskan bahawa sudah pasti pertama sekali keupayaan bagi orang-orang perseorangan atau syarikat yang hendak mengambil alih badan-badan yang hendak diswastakan itu adalah **mesti** kukuh, mereka mesti menunjukkan mereka mempunyai kedudukan kewangan yang baik, mempunyai kepakaran yang boleh melakukan sesuatu tugas yang berkaitan dengan bidang yang dipohon oleh mereka. Itu secara kasarnya.

Yang ketiganya, kuasa Kerajaan seboleh-bolehnya Kerajaan akan mengurangkan langsung ataupun menghapuskan langsung penguasaan Kerajaan di dalam badan-badan yang telah diswastakan ini kecualilah bagi badan-badan yang dikira terlalu besar seperti Jabatan Telekom, LLN dan juga lapangan terbang yang dikira yang terlalu besar di mana

pihak Kerajaan pada permulaannya harus mengekalkan kedudukan sebagai pemodal yang besar sebelum ianya diswastakan secara langsung.

#### AL-ARQAM - PENDAFTARAN

**9. Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah peruntukan dalam Akta Pertubuhan 1966 yang mewajibkan (memastikan) pertubuhan atau kumpulan yang bergerak dan mempengaruhi rakyat dengan nyata melebihi dari 10 orang mendaftarkan kumpulan mereka tidak kira berbentuk agama seperti Al-Arqam.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Hohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Pertubuhan 1966, setiap pertubuhan yang mempunyai 7 orang atau lebih anggota serta mempunyai tujuan-tujuan tertentu, sama ada kekal atau sementara, adalah dikehendaki membuat permohonan kepada Pendaftar di bawah Seksyen 6 Akta tersebut untuk didaftarkan. Ini tidak termasuk pertubuhan-pertubuhan atau badan-badan yang telah didaftarkan di bawah peruntukan undang-undang lain di negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut sudah pun cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 37 adalah akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1990****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [20hb Disember, 1989]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya menjemput Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay untuk menyambungkan ucapan. Dipersilakan.

**4.04 ptg.**

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana saya dapat menyambungkan ucapan saya yang belum saya habiskan pada petang semalam.

Apa yang saya timbulkan semalam berkenaan dengan satu masalah pelancongan iaitu bahawa di Taipei saya dapat satu laporan, ada sekumpulan pelancong yang telah melawat ke Malaysia, tetapi malangnya mereka telah dirompak dan perkara ini telah menjadikan satu isu kerana ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab telah memutar belitkan cerita yang sebenarnya yang berlaku di Malaysia itu.

Oleh yang demikian, saya suka meminta pihak yang menyiasat kes ini iaitu pihak pblis dan juga Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan membuat satu penjelasan kepada pelancong-pelancong asing untuk mendapatkan keyakinan supaya mereka akan dapat datang melawat ke Malaysia pada tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan pada petang ini menimbulkan sedikit berkenaan dengan masalah infrastruktur kerana kita telah diganggu dan tergendala persidangan pada petang ini lebih kurang 35 minit. Ini adalah disebabkan terputus bekalan elektrik di Dewan yang mulia **ini**. Terputus bekalan elektrik pada Dewan ini telah mendatangkan kerugian yang besar dan juga membazirkan masa keemasan pada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada pegawai-pegawai Kerajaan.

Saya suka menimbulkan perkara ini kerana saya minta Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos menyiasat kenapa bekalan elektrik pada Dewan ini terputus adakah kerana kakitangan Lembaga Letrik Negara apabila mendengar Kerajaan akan menswastakan Lembaga Letrik Negara maka mereka pun meng sabotaj bekalan elektrik, menunjukkan satu tindakan memprotes kerana kami difahamkan apabila Kerajaan hendak swastakan jabatan-jabatan Kerajaan boleh dikatakan ramai kakitangan Kerajaan pun kkuatir, kkuatir apabila diswastakan macam mana harapan mereka. Jadi, saya nampak kalau bekalan elektrik terus terputus, Dewan yang mulia ini akan bersidang lebih kurang lima hari sahaja lagi dan kita ada lebih kurang 23 Rang Undang-undang belum diluluskan lagi. Oleh itu kami Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini berharap Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos bukan sahaja menyiasat juga akan membuat penjelasan kepada Dewan ini pada minggu hadapan, apa sebabnya bekalan elektrik pada Dewan ini terputus sehingga kita terpaksa membuang masa 35 minit. Padahal ada ramai lagi rakan-rakan saya akan terus mengambil bahagian dalam perbahasan. Dan

sekiranya apa yang saya sebutkan itu adalah kerana sabotaj daripada pekerja LLN maka sepatutnya tindakan sewajarnya diambil. Dan kalau tidak saya harap pihak LLN akan mengadakan jurutera untuk stand-by, dengan izin, memberikan bekalan kecemasan. Dan kita tidak mahu bekalan elektrik dalam Dewan ini terputus lagi pada esok atau pada minggu hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya suka menimbulkan sedikit masalah tentang apa yang kita semua baca pada pagi ini, terperanjat kami apabila membaca dalam suratkhabar berkenaan dengan pihak Amerika Syarikat telah bertindak mencero boh ke Panama, apabila kita membaca suratkhabar pada pagi ini didapati bahawa ramai penduduk dalam Panama telah dibunuh dan pihak Amerika Syarikat telah memberi tiga ulasan mencero boh Panama.

Ulasan yang pertama ialah pihak Amerika Syarikat hendak menyelamatkan rakyat yang ada di Panama.

Ulasan yang kedua ialah Amerika hendak menunaikan Perjanjian pihak Amerika Syarikat dengan Panama.

Ulasan yang ketiga ialah pihak Amerika Syarikat hendak menangkap Presiden Noreiga yang sangat dikehendaki oleh pihak Amerika Syarikat.

Kami berpendapat bahawa tindakan pencerobohan Amerika Syarikat terhadap Panama ini adalah satu tindakan yang disifatkan sebagai 'gangster antarabangsa' kerana campur tangan dari pihak Amerika di Panama ini telah menyinggung kedaulatan Panama sebagai satu negara merdeka dan bebas. Kita bimbang Amerika Syarikat boleh bertindak terhadap Panama dan membuat pencerobohan, juga boleh bertindak

kepada negara lain yang tidak sefahaman dengan Amerika Syarikat nanti. Oleh yang demikian, saya berpendapat dan berharap semua Ahli-ahli rakan-rakan saya dalam Dewan yang mulia ini akan bersetuju dengan cadangan saya bahawa kita patut menyeru kepada Kerajaan memprotes dan menentang tindakan Amerika Syarikat terhadap Panama dan juga kita berharap pihak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bertindak dengan segera, campur tangan minta Amerika Syarikat mengundurkan semua tentera Amerika yang ada di Panama dan juga kita mengecam pihak Amerika Syarikat yang bertindak terhadap Panama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga akan teruskan ucapan saya dengan menimbulkan satu perkara berkenaan dengan penghebahan Berita dalam siaran televisyen. Bahawa TV3 sejak telah diswastakan selama lima tahun **ini**, kita daripada pihak parti Gerakan, MCA dan kaum Tionghua berasa kecewa kerana segala siaran yang ada di TV3 tidak membayangkan masyarakat negara kita yang berbilang kaum.

TV3 tidak menyiarkan Berita Mandarin dalam rangkaianannya kerana dalam sebuah negara yang rakyatnya terdiri daripada berbagai kaum, kami berharap TV3 akan memberi ruang dan kesempatan yang lebih wajar dan seimbang dengan rancangan-rancangan berbagai kaum. Dua hari yang lepas saya telah mendapat satu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Penerangan berkenaan dengan soalan yang saya sebut, iaitu program siaran TV3 yang tidak membayangkan masyarakat berbilang kaum. Soalan ini telah ditolak dengan alasan bahawa perkara yang dibangkitkan tidak terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan. Jadi, sekiranya apa yang saya sebut tadi tidak di bawah bidang kuasa Kerajaan, maka saya berharap Kerajaan, khususnya Kementerian Penerangan akan membuat kajian ataupun mana-mana pihak Jabatan Kerajaan yang berkenaan kerana ini adalah hasrat rakyat hendak tengok bahawa TV3 ini akan memainkan peranan mengadakan sibarannya dapat membayangkan masyarakat kita yang berbilang bangsa. Kalau sekiranya RTM2 boleh menyiarkan Berita dalam bahasa Mandarin dan Tamil selain daripada Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, maka apa sebabnya TV3 tidak dapat menyiarkan Berita-berita dalam bahasa Mandarin dan Tamil?

Saya suka menyentuh sedikit bahawa dalam tahun 1989 ini bilangan rakyat di negara kita adalah lebih kurang 17.3 juta dan kaum Tionghua ada lebih kurang 4.5 juta, kepada kaum India ada lebih kurang 1.4 juta. Jadi saya berharap TV3 akan menghormati masyarakat kaum Tionghua dan kaum India. Tidak ada siaran dalam bahasa Mandarin dan Tamil telah menjadikan satu tanda menghina kaum Tionghua dan India dan juga menghina kepada Perlembagaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kami merayu kepada TV untuk menyiarkan Berita dalam bahasa Mandarin kerana dengan adanya penyiaran TV3 Beritanya dalam bahasa Mandarin, ia akan membolehkan masyarakat Cina memahami dengan lebih mendalam lagi tentang pergolakan politik, sosial dan sebagainya yang berlaku di dalam atau luar negeri. Begitu juga dengan hasrat dan suara Kerajaan yang ingin disalurkan kepada masyarakat Cina yang mana ia dapat disampaikan dengan lebih berkesan dan cepat melalui siaran televisyen.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap pihak MIC akan menyokong cadangan MCA dan juga kepada abang parti komponen UMNO akan menyokong bersama dengan kami supaya TV3 pada tahun 1990 akan bermula dengan mengadakan siaran Berita dalam bahasa Mandarin dan bahasa Tamil kerana ada setengah-setengah pihak dalam masyarakat Tionghua telah mencadangkan supaya memboikot TV3. Kalau sekiranya TV3 masih bebas kerana kami pernah mengadakan majlis dialog dengan Pengurus Besar TV3, tetapi pada sikap Pengurus Besar TV3 ini telah memberikan ulasan bahawa dari segi pentadbiran mereka tidak boleh mengadakan siaran dalam bahasa Mandarin dan kami tidak menerima ulasan yang diberi. Kami berharap TV3 sekiranya tidak dapat menyiarkan Berita dalam bahasa Mandarin, sepatutnya mereka memberikan satu ulasan penjelasan yang boleh diterima oleh semua masyarakat kaum Tionghua.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya, saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan Akta Papan Tanda ataupun Akta Iklan, iaitu baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membuat pengumuman bahawa Kementeriannya telah mengadakan satu Akta Papan Iklan ataupun Akta Papan Tanda yang

seragam yang menyelaraskan semua Kerajaan-kerajaan Tempatan, tetapi malangnya saya terdapat aduan daripada setengah-setengah pihak bahawa ada setengah-setengah Kerajaan Tempatan memberi ulasan bahawa mereka masih belum mendapat arahan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentang Akta Papan Iklan yang seragam yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan dapat membuat penjelasan kepada Dewan ini. Adakah Akta Papan Tanda dan Iklan seragam ini yang telah diumumkan telah dilulus dan telah dikuatkuasakan dan kenapa ada setengah-setengah pihak, iaitu khususnya setengah-setengah Kerajaan Tempatan masih belum dapat arahan dan masih menjalankan kuasa mereka untuk menolak setengah-setengah permohonan lesen papan tanda dan iklan itu secara sukarela mereka dan ada setengah-setengah pihak telah menyelewengkan kuasa mereka dalam kelulusan permohonan lesen untuk papan tanda.

Oleh itu, saya berharap Yang, Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan membuat penjelasan dan terus memberi arahan kalau sekiranya Akta Papan Tanda yang seragam ini telah dikuatkuasakan. Kami juga berharap sekiranya Akta Papan Tanda Iklan yang seragam ini yang telah diselaraskan untuk semua Kerajaan-kerajaan Tempatan ini apabila dikuatkuasakan, ia akan dikuatkuasakan kepada permohonan-permohonan yang baru, bukan kepada papan tanda dan papan iklan yang telah sedia ada kerana kami telah mendapat setengah-setengah pihak, iaitu pegawai-pegawai daripada Kerajaan Tempatan, telah menggunakan kuasa mereka meminta pegawai-pegawai penguatkuasaan menurunkan beberapa papan tanda yang telah dipasang. Kita tidak mahu isu seperti ini menjadi satu isu sensitif di antara satu

kaum dengan lain. Oleh yang demikian, saya membawa ke Dewan ini meminta Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan membuat penjelasan dan memberi arahan dengan segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya, saya suka sekali lagi menegaskan bahawa kestabilan politik negara kita adalah satu daripada sebab-sebab pelabur-pelabur asing melabur di negara kita. Selain daripada insentif-insentif yang diberi, kestabilan politik adalah arat penting untuk seseorang pelabur asing membuat keputusan melabur di negara kita. Oleh yang demikian, saya sekali lagi menyeru kepada semua pemimpin-pemimpin dalam Barisan Nasional, khususnya UMNO, MCA, MIC, Gerakan dan lain-lain kalau ada masalah yang dihadapi eloklah kita menyelesaikan dengan secara melalui semangat Barisan Nasional, dengan secara bermusyawarah kerana kita mesti bersatupadu dalam Parti Barisan Nasional untuk menentang penentang-penentang, pembangkang-pembangkang kepada Barisan Nasional (iaitu Kerajaan pentadbir) seperti DAP, Semangat 46, PAS dan lain-lain. Saya suka menegaskan di sini bahawa masyarakat Tionghua tidak akan menyokong DAP dan Semangat 46 ataupun bersama dengan PAS. **[Tepuk]** Kalau mereka ketiga-tiga parti ini akan bergabung untuk bertanding pada pilihanraya akan datang, saya suka tegaskan di sini bahawa masyarakat Cina tidak akan menyokong gabungan ketiga-tiga parti ini kerana masyarakat Tionghua dan India tidak boleh terima matlamat PAS iaitu mewujudkan satu negara Islam.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya sokong Rang Undang-undang yang telah dicadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita beri peluang keutamaan dahulu kepada Ahli yang baru untuk memberi ucapan. Dipersilakan Yang Berhormat David Yeoh dahulu.

**4.19 ptg.**

**Tuan David Yeoh Eng Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang berucap. Saya ingin menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas perkenan Baginda di atas perlantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya berharap saya akan dapat menjalankan tanggungjawab saya dengan sebaik mungkin yang boleh sebagai Ahli Dewan Negara. Saya berharap akan mengambil bahagian dengan aktifnya dalam perbahasan di Dewan ini dan saya ingin memberikan perkhidmatan yang berkesan dari pengalaman saya yang luas dalam bidang perniagaan untuk kebaikan Dewan dan rakyat Malaysia.

Sebagai penggubal, kita adalah penjaga Perlembagaan negara dan kita harus mempertahankannya dan bertanggungjawab atas kepercayaan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia. Apabila kita menghadapi masa yang akan datang, beberapa masalah akan timbul dan kita patut menerima cabaran-cabaran ini dengan keyakinan yang sewajarnya dan tidak melupakan bahawa rakyat kita adalah berbilang kaum, agama dan kebudayaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Douglas Sullang Anak Ganda.

**4.21 ptg.**

**Tuan Douglas Sullang Anak Ganda:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya pada petang ini untuk bangun di Dewan yang mulia ini bagi menyokong dan membahaskan suatu Rang Undang-undang bertajuk Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi, kerana telah mencapai kejayaan yang cemerlang sehingga menggalakkan ekonomi negara kita berkembang pesat dan bertambah kukuh. Dengan keadaan yang begitu baik, kita akan percaya dan yakin, rancangan pembangunan di negara kita akan bertambah pesat khususnya di kawasan luar bandar. Di bandar, kemudahan infrastruktur asas seperti jalanraya, bekalan air, bekalan elektrik, rumah hospital, rumah-rumah sekolah masih lagi belum memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga, saya mengalu-alukan peruntukan yang terbesar untuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas awam di luar bandar. Ini adalah jelas membuktikan bahawa kemajuan di luar bandar harus diutamakan bagi tahun 1990.

Di peringkat negeri Sarawak pula, peruntukan yang besar, dianggarkan lebih 38%, daripada jumlah peruntukan pembangunan telah dibagikan untuk kemajuan di kawasan luar bandar bagi tahun 1990 dan bukanlah 8.5% seperti yang telah dikatakan oleh Wakil Rakyat dari kawasan Julau di Dewan Rakyat baru-baru ini. Sebenarnya Yang Berhormat Wakil Rakyat ini hendak memperkecilkan kejayaan Kerajaan Barisan Nasional Tiga di negeri Sarawak yang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak. Kononnya dia dengan rakan-rakannya yang lain dari Parti PBDS, cemburu bahawa di peringkat Persekutuan, mereka ini bersama dalam Barisan Nasional, tetapi di peringkat negeri Sarawak pula mereka menjadi Parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap semua pihak yang terbabit dengan pelaksanaan pembangunan itu akan sentiasa bekerja dengan bersungguh-sungguh supaya semua kekesanannya dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat di seluruh luar bandar. Dengan ini juga perpaduan, keselamatan dan kebajikan kehidupan rakyat di luar bandar dapat terjamin.

Tuan Yang di-pertua, saya berasa juga dukacita setelah dimaklumkan satu kemalangan yang telah berlaku di Sarawak baru-baru ini mengakibatkan satu helikopter jenis Nuri telah terhempas di kawasan Lundu dan mengorbankan dua orang Jeneral dan 14 orang rakan-rakannya. Dengan ini, kita telah hilang pahlawan-pahlawan yang terkemuka di negara ini. Dengan kesempatan ini, Tuan Yang di-

Pertua, saya mengucapkan takziah kepada semua keluarga yang terkorban itu. Saya juga percaya, Kementerian yang berkenaan dapat menjalankan kajian dan siasatan yang terperinci atas panca manakah kemalangan itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya mahu beralih kepada Maksud B.26, Kementerian Pendidikan. Kita berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional atas peruntukan kepada Kementerian Pendidikan yang berjumlah \$1,623.3 juta. Ini merupakan 17.5% dari seluruh Belanjawan bagi tahun 1990. Dengan peruntukan ini, sudah jelas bukti Kerajaan yang sering berazam untuk meneruskan usaha menyediakan kemudahan pendidikan di seluruh negara. Ini juga jelas bukti bahawa Barisan Nasional terus memandang serius kepada isu pendidikan untuk memastikan bahawa setiap lapisan masyarakat di seluruh negara diberi peluang menerima ilmu dan menghapuskan buta huruf.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini saya ingin menimbulkan beberapa masalah yang sering dihadapi oleh sekolah bantuan Kerajaan khasnya di negeri Sarawak yang telah lama belum dapat diselesaikan. Kebanyakan sekolah bantuan Kerajaan khasnya di kawasan luar bandar amat daif keadaan fizikalnya. Di beberapa tempat, bilik darjah dan rumah-rumah guru tidak mencukupi. Rumah yang ada pun dalam keadaan yang usang, mungkin juga merbahaya kepada yang menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sarawak, jumlah sekolah bantuan Kerajaan adalah 334 buah sekolah iaitu 204 buahsekolah bahasa Cina, 130 buah Mission Schools, dengan izin. Jumlah murid sekolah ialah 106,200 dan melibatkan 4,733 orang guru. Sekolah bantuan Kerajaan di Sarawak ada dua jenis pertama, sekolah bantuan dan kedua sekolah yang dahulunya dibina oleh gereja Kristian ataupun Mission Schools.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat masa telah tiba bagi semua pihak berkenaan mengambil tindakan positif menyelesaikan masalah tersebut. Kebajikan dan keselamatan murid dan guru-guru sekolah tersebut memaksa Kementerian Pendidikan mengambil tindakan meningkatkan taraf kemudahan di sekolah-sekolah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, masalah utama yang dihadapi oleh sekolah-sekolah bantuan ialah mereka perlu menyumbangkan sekurang-kurangnya 25% dari perbelanjaan pembangunan yang diperlukan. Misalnya kalau perbelanjaan berjumlah \$100,000, mereka dikehendaki menyumbang \$25,000. Syarat ini sangat sukar kepada Lembaga Sekolah tersebut. Mereka tidak mampu mencari 25% ini yang diperlukan sebelum Kerajaan boleh membantu mereka.

Masalah ini semakin berat apabila keseluruhan bangunan sekolah-sekolah, darjah dan rumah-rumah guru yang perlu dibina ataupun sekurang-kurangnya mengganti sebilangan besar dari bahagian-bahagian yang telah usang itu. Ini memerlukan belanja yang banyak beratus-ratus ribu ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, di luar bandar Lembaga Sekolah itu tidak terdaya mencari jalan mengutip atau mencari 25% dari ongkos perbelanjaan yang terpaksa diperlukan itu. Maka akibatnya masalah keadaan bangunan usang itu terus dibiarkan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita meninjau dari segi kurikulum matapelajaran ataupun lain-lain, sekolah rendah ataupun sekolah menengah bantuan yang dahulu dikehendaki oleh gereja Kristian adalah sama dengan sekolah rendah ataupun sekolah menengah Kerajaan. Guru-guru dan kakitangannya semua digaji penuh oleh Kerajaan. Mereka dikehendaki mengikut penuh arahan dan panduan Jabatan Pendidikan. Mereka juga menggunakan syllabus dan kurikulum yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, murid-murid sekolah yang menuntut di sekolah khasnya sekolah bantuan menengah Kerajaan adalah atas arahan Jabatan Pendidikan. Jabatan Pendidikan berkuasa penuh menghantar murid-murid ke sekolah menengah tersebut. Di kawasan pendalaman ibu-bapa tidak ada pilihan lain, tetapi menghantar anak mereka ke sekolah bantuan Kerajaan ini kerana tidak ada sekolah yang lain ataupun sekolah Kerajaan di tempat itu. Murid itu terdiri dari rakyat Malaysia berbilang bangsa dan ugama. Baginya adalah nama dan konon pentadbirannya dikuasai oleh Lembaga Pengarah Tempatan, tetapi Lembaga ini tidak diberi kuasa yang penting untuk mentadbir sekolah

itu. Maka dari semua sekolah bantuan Kerajaan ini adalah serupa dengan sekolah Kerajaan yang berlainan kecuali tidak layak menerima 100% bantuan modal dari Kementerian yang terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya merayu bahawa Kementerian Pendidikan mengkaji perkara ini dengan sedalam-dalamnya dan di sini juga saya mencadangkan Kementerian Pendidikan memberi:-

- (i) Kementerian Pendidikan memberi peruntukan penuh kepada sekolah bantuan, terutamanya di luar bandar,
- (ii) peruntukan khas bagi tahun 1990 diwujudkan untuk sekolah bantuan luar bandar. Ini bertujuan untuk memperbaiki atau mengganti rumah-rumah, bilik darjah, rumah-rumah guru yang begitu dhaif fizikalnya. Peruntukan yang diadakan \$239,100 ini tidak mencukupi, dan
- (iii) di mana Lembaga Pengarah sekolah bantuan ini yang telah bersetuju menyerahkan sekolah ini kepada Jabatan Pendidikan, saya berharap Jabatan Pendidikan akan terus mengambilalih sekolah tersebut dengan secepat mungkin, bukan sekadar mengambilalih sahaja, tetapi terus memperbaiki keadaan di sekolah itu juga.

Saya difahamkan bahawa beberapa buah sekolah di negeri Sarawak telah mengambil keputusan untuk menyerahkan pentadbiran kepada Jabatan Pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh sekolah bantuan Kerajaan di negeri Sarawak menghendaki penyelesaian yang segera. Saya berharap dan yakin

Jabatan Pendidikan bersedia mengamalkan dasar terbuka mengenai perkara ini. Masalah ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja kerana keadaan telah bertambah buruk.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang penting di sini adalah kebajikan dan keselamatan lebih 100,000 murid-murid dan 4,700 guru-guru sekolah tersebut. Bagi mereka ini, mereka tidak ada pilihan lain. Murid-murid terpaksa menuntut di sekolah tersebut jika hendak menuntut ilmu. Guru-guru juga mesti bertugas jika hendak bertugas sebagai guru walau keadaan tidak selesa dan kurang selamat. Maka yang demikian, saya berharap dan merayu bahawa apa-apa isu yang menghalang Kementerian tidak mengambil tindakan, ini isu ini diketepikan buat sementara waktu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada Kementerian Dalam Negeri. Di sini saya hendak mengemukakan beberapa masalah yang terbabit dengan Pejabat Pemerintah Keselamatan Rajang ataupun RASCOM. Pada masa dahulu objektif RASCOM ialah menghapuskan penganas-penganas komunis dan anasir-anasir subversif dalam kawasan RASCOM menerusi pergerakan Pasukan Keselamatan dan tindak balas awam, maka skim rancangan pembangunan penetapan semula telah dirancangan dan dilaksanakan juga.

Tuan Yang di-Pertua, program pembangunan RASCOM yang merupakan penetapan semula penduduk-penduduk di kawasan Sekuau, Jagau, Nungun dan Tadak telah dirancang pada tahun 1972 dan 1973 supaya melindungi orang-orang tempatan, khasnya orang Iban yang dianggapkan mudah dipengaruhi oleh penganas-penganas komunis dan subversif, Maka mereka dikumpul di beberapa rancangan penetapan semula dengan secara tergepar. Di samping itu, rancangan penetapan

semula juga diharapkan dapat meningkatkan taraf hidup ataupun sosio-ekonomi mereka yang mundur melalui penyediaan rumah panjang supaya tradisi kebudayaan hidup mereka tidak, terjejas ataupun kawasan rancangan pembangunan tanah dan lain-lain aktiviti juga sentiasa dirancang.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Dalam Negeri kerana dengan murah hati telah mengadakan peruntukan sejumlah \$18,650,000 di bawah Rancangan Malaysia Kelima kepada RASCOM untuk menyediakan kemudahan infrastruktur seperti rumah panjang, bekalan air, bekalan elektrik, bayaran pampasan tanah dan, sebagainya demi kepentingan 70 buah rumah panjang yang mengandungi 1,154 keluarga. yang mempunyai 7,631 penduduk di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, masa kini rumah panjang ini sudah siap sedia. Peruntukan untuk membina jalanraya dari Nibung hingga ke Tadak pun telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dengan peruntukan \$7 juta baru-baru ini tadi. Rancangan Pembangunan jalanraya dari Macan, Nungun dan Jagau sedang dalam pertimbangan. Jumlah penganas-penganas komunis yang masih lagi belum menyerah diri di merata tempat di kawasan RASCOM hanya 23 orang lebih sahaja. Dengan keadaan di masa kini, iaitu CPM telah bersetuju menamatkan perjuangan mereka, kita berharap dan yakin mereka ini juga menyerahkan diri dan terus balik semula ke pangkuan masyarakat.

Dengan **ini**, merupakan objektif RASCOM yang pertama telah dicapai dan berjaya. Syabas dan terima kasih kepada Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lagi menyedihkan saya masa kini ialah objektif yang berkaitan dengan meningkatkan taraf hidup ataupun sosio-ekonomi mereka yang ditempatkan dalam kawasan rancangan penempatan semula di tempat yang tersebut.

Saya difahamkan menerusi peringkat awalnya tanaman Lada hitam telah dilaksanakan FELCRA tetapi oleh kerana lada hitam ini diserang oleh penyakit buruk-akar, maka projek itu gagal. Setelah itu FELCRA merancang tanaman koko. Sehingga kini dengan hanya 649 hektar yang telah dirancang. Ini tidaklah mencukupi. Saya telah difahamkan mengikut penyelidikan yang telah dibuat baru-baru ini adalah 66% penduduk-penduduk di kawasan tersebut yang berpendapatan di bawah paras kemiskinan, ataupun dengan izin, below the poverty level.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pandangan saya, masa sudah tiba bagi semua pihak yang berkaitan mengambil tindakan yang positif dan serius untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Kebajikan sosio-ekonomi dan pendapatan penduduk-penduduk di kawasan tersebut dan sekitar kawasan itu memaksa pihak berkenaan mengambil langkah-langkah sebelum peristiwa yang tidak diingini akan berlaku ataupun sebelum isu itu dieksploitasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya merayu kepada Kementerian Dalam Negeri mengkaji perkara ini sedalam-dalamnya. Dan saya di sini bercadang, pertama Pejabat Perintah Keselamatan Rajang

(RASCOM) diubahsuaikan supaya tugas dan objektifnya bertambah untuk memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam kawasan itu.

Kedua, saya bercadang satu Lembaga Wilayah iaitu Lembaga Kemajuan Pembangunan Rajang (Rajang Development Authority) harus diwujudkan supaya ditugaskan untuk memaju, menggalak dan mengusahakan rancangan pembangunan tanah, ekonomi dan sosial di seluruh kawasan Rajang Basin,

Ketiga, saya bercadang RASCOM menerusi FELCRA harus diberikan peruntukan untuk mereka meneruskan rancangan pembangunan tanah yang sedia ada dan juga tanah yang terbiar di kawasan **itu**.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin bertanya apakah langkah-langkah yang sedang diambil ataupun akan diambil oleh Kementerian berkenaan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Adakah Kementerian berkenaan mempunyai Pelan Induk ataupun Master Plan yang positif dan konstruktif untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin beralih kepada maksud B.39.....

**Tuan Tang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya mohoh maaf sebentar untuk membuat satu pengumuman. Selepas itu, Yang Berhormat boleh sambung lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), sekarang saya dengan sukacitanya menjemput Yang Berhormat Dato' Tan Peng Khoon untuk mempengerusikan mesyuarat kita pada petang **ini**.  
Dipersilakan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh sambung.

**Tuan Douglas Sullang Anak Ganda:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sentuh Maksud B.39. Tuan Yang di-Pertua, masalah bersabit dengan masalah mendapatkan surat beranak ataupun **sijil** kelahiran, khasnya untuk memohon pendaftaran lewat, menimbulkan berbagai masalah di kalangan rakyat di luar bandar. Ramai rakyat di kawasan pendalaman di negeri Sarawak masih tidak mempunyai **sijil** kelahiran ataupun **birth certificate**, dengan izin. Akibatnya adalah mereka ini seterusnya tidak dapat memohon kad pengenalan ataupun passport. Tuan Yang di-Pertua, maka saya bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri beberapa soalan:

- (1) Sama ada pihak Kementerian akan mengarahkan Jabatan Pendaftaran Negara untuk menjalankan gerakan khas seperti program lawatan ke luar bandar dengan tujuan menyelesaikan masalah permohonan dan memproses permohonan baru. Dalam beberapa tahun yang lalu, Jabatan Pendaftaran Negara pernah menjalankan lawatan seperti di atas, tetapi gerakan ini tidak meresap ke kawasan pendalaman seperti di kawasan Ulu Layar, Ulu Sepak, Ulu Kerian, Ulu Buruk dan sebagainya. Saya yakin dan percaya lawatan seperti itu akan dapat mengurangkan masalah tersebut dengan permohonan **sijil** kelahiran dan kad pengenalan.

Kedua, sama ada Kementerian akan menambahkan pegawai-pegawai di Pejabat Pendaftaran Negara di luar bandar, khasnya di negeri Sarawak. Kalau tidak, saya merayu bahawa pegawai-pegawai Pejabat Pendaftaran Negara ditambahkan di luar bandar seperti di daerah Betong,

Seratok dan sebagainya. Sekarang ini hanya seorang pegawai sahaja yang ditempatkan di daerah masing-masing.

Ketiga, adakah Kementerian sedar bahawa berbagai syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh pemohon-pemohon adalah terlalu ketat dan sukar dipenuhi oleh pemohon. Misalnya si pemohon diperlukan mengemukakan gambar sekeluarga. Ini menimbulkan masalah besar bagi pemohon di pendalaman. Kemudahan bergambar susah didapati di pendalaman, maka mereka terpaksa pergi ke bandar. Ini memerlukan ongkos yang besar. Misalnya, dari Kapit ke pekan Kapit, dia memerlukan sekurang-kurangnya \$100 - \$150. Maka saya berharap Jabatan Pendaftaran Negara tidak menggunakan syarat-syarat seperti itu kerana ia menimbulkan satu penghalangan yang menyulitkan permohonan. Maka beberapa banyak permohonan belum dapat diselesaikan.

Saya berikan satu contoh, Permohonan Rujukan No. F2/87/85 yang telah dikemukakan semenjak tahun 1985 sehingga hari ini belum diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan timbulkan masalah pemegang kad pengenalan warna merah yang hendak menukar kepada kad pengenalan berwarna biru. Masalah permohonan warganegara ini begitu biasa di kawasan utara Sarawak khasnya di Miri, Baram dan Limbang kerana bandar ini yang dekat dengan negara Brunei Darussalam.

Tuan Yang di-Pertua, ramai pemohon yang telah memohon warganegara ataupun menukar kad pengenalan warna merah ke warna biru masih menunggu kelulusan daripada pihak Kementerian. Ini menyebabkan mereka masih tinggal dalam keadaan yang dikatakan 'stateless citizens', dengan izin. Mereka pula tidak dapat menikmati hak sebagai warganegara Malaysia seperti mendapat

pendidikan atau pekerjaan. Walaupun ibu-bapa mereka adalah rakyat bangsa Malaysia. Misalnya, seorang Ahli Majlis Daerah Betong telah beberapa tahun menunggu permohonan anaknya yang dilahirkan di Brunei akhirnya ditolak, kemudian dinasihatkan memohon semula.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan mereka ini adalah anak rakyat Malaysia yang lahir di negara Brunei Darussalam ataupun Singapura semasa ibu-bapanya bekerja di kedua-dua negara sebelum Sarawak merdeka dalam Malaysia.

Maka saya bercadang bahawa Kementerian mengambil perhatian perkara ini supaya masa memproses dapat dipendekkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri sama ada benar atau tidak Jabatan Imigresen bercadang untuk menambahkan Pejabat Imigresen yang berkuasa melulus dan mengeluarkan passport. Mungkin untuk Pejabat Imigresen di bandar Sibu, Miri, Seri Aman dan Kapit. Jika tidak, saya berharap Jabatan Imigresen dapat menimbangkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang hanya Pejabat Imigresen di Kuching sahaja yang boleh melulus dan mengeluarkan passport seluruh negeri Sarawak. Sebab itu semua permohonan akan dikirimkan dari Pejabat Imigresen lain seperti dari Limbang, Kapit, Sibu, Betong dan Seri Aman ke Kuching untuk diproses. Kadang-kadang dalam masa mendesak pemohon sendiri datang ke Kuching dan menunggu beberapa hari supaya mendapat passport. Cara ini sangat menyusahkan rakyat yang duduk di luar Kuching. Ongkos untuk pergi ke Kuching misalnya dari Miri ke Kuching tidak kurang dari \$500 tambang dan ongkos lain. Oleh yang demikian, saya merayu supaya Kementerian Dalam Negeri mengarahkan Jabatan Imigresen menimbangkan perkara ini supaya pejabat yang dapat melulus dan mengeluarkan passport akan ditambah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara saya minta Kementerian menimbangkan iaitu supaya si-pemohon yang memegang kad pengenalan biru boleh mendapat passport walaupun mereka tidak ada surat sijil kelahiran. Syarat yang diguna masa kini ialah pemohon mesti

menggunakan surat beranak atau surat kelahiran dan kad pengenalan biru barulah pemohon pasport dapat diluluskan. Syarat ini menyulitkan kerana ramai rakyat di luar bandar walaupun ada kad pengenalan biru tetapi tidak mempunyai surat kelahiran. Maka saya berharap, kad pengenalan warna biru harus cukup bukti bahawa dia adalah warganegara Malaysia maka permohonan pasport dia harus diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merayu dan bercadang bahawa Kementerian Pengangkutan mengarah Jabatan Pengangkutan Jalan di negeri Sarawak mengeluarkan lesen untuk kereta mini van menjalankan perniagaan mengangkut penumpang di kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan pendalaman di negeri Sarawak khususnya di daerah Betong dan Saratok terdapat tidak kurang dari 80 buah kereta mini van. Dari jumlah itu 60 buah beroperasi secara *illegal*, dengan *izin*. Mereka membawa penumpang di kawasan sekitar. Mereka walaupun menjalankan perniagaan secara haram, memainkan peranan penting di dalam kehidupan di luar bandar.

Pertama, tuan punya van dapat mencari rezeki. Mereka ini berupaya menjalankan perniagaan dan mendapat keuntungan cukup untuk keluarga. Bagi tuan punya van pendapatan ini adalah besar sebagai punca menambahkan hasil dari cucuk-tanam.

Kedua, kereta van ini membantu orang ramai dalam perhubungan awam khususnya di luar bandar di mana perkhidmatan pengangkutan awam tidak memuaskan. Seperti di kawasan daerah Betong dan Saratok, syarikat bas tidak dapat memberi perkhidmatan maka kereta mini van ini memberi perkhidmatan sokongan yang penting. Misalnya samasa kecemasan mereka ini sedia ada memberi pertolongan.

Ketiga, mereka ini bergiat dan menceburkan diri dalam bidang perniagaan sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. Seorang tuan punya van sentiasa melabur sekurang-kurangnya 320,000. Jadi, walaupun mereka ini diharamkan di segi undang-undang mereka akan terus bergiat.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau mereka terus berniaga tanpa lesen ataupun permit, Jabatan berkenaan tidak mampu mengawal keadaan kereta mereka dan ia akan membahayakan penumpang-penumpang yang terpaksa menggunakan kereta mini van tersebut. Maka dengan memberi lesen ataupun permit Jabatan berkenaan dapat sentiasa memastikan bahawa kereta itu sentiasa di dalam keadaan yang selamat. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Jabatan berkenaan menimbangkan perkara ini dengan secepat mungkin

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kementerian Kewangan memberi penjelasan mengenai keputusan Kementeriannya memberi kontrak secara rundingan kepada Syarikat Distamas Sdn. Bhd untuk membekalkan ayam ke Pejabat-pejabat Persekutuan dan sekolah-sekolah di negeri Sarawak bermula tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan ini sangat menyedihkan rakyat di Sarawak khasnya pembekal-pembekal kecil dan penternak-penternak bumiputera. Bagi mereka keputusan yang seperti ini terus menjejaskan dan menyekatkan mata pencarian mereka. Kehidupan mereka terancam kerana apa yang sentiasa menjadi punca rezeki mereka telah dirampas oleh sebuah syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pandangan saya keputusan ini tidak adil kerana semata-matanya memberi monopoli kepada sebuah syarikat sahaja. Kontrak rasion sekolah adalah punca rezeki kepada

kebanyakan pembekal-pembekal bumiputera di seluruh negeri Sarawak. Mereka ini telah menceburkan diri dalam bidang ini bertahun-tahun. Mereka ini juga mempunyai pengalaman yang cukup luas. Mereka juga telah melabur modal yang besar. Misalnya seorang pembekal harus mempunyai sebuah lori, bilik sejuk, pejabat dan berbagai perkakas-modal yang lain. Mereka ini telah berusaha beberapa tahun menceburkan diri dalam bidang perniagaan sejajar juga dengan Dasar Ekonomi Baru. Mereka ini penuh yakin bahawa usaha gigih dan keazaman tinggi akan pasti membawa kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang menyedihkan perasaan mereka ialah keputusan ini yang memotong dan merampas peluang mereka. Ada lebih 500 pembekal-pembekal kecil dan penternak-penternak ayam yang akan terjejas dalam hal ini. Saya begitu sedih dan dukacita bahawa keputusan seperti ini diambil tanpa mengambil kira kepada rakyat ramai.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak adalah luas, hampir luas seluruh Semenanjung Malaysia. Tidakkah sukar untuk sebuah syarikat atau penternak ayam di Kuching untuk membekalkan ayam ke Kapit, ke Belaga, Miri ataupun Santok. Ongkos pengangkutan akan lebih tinggi dari harga ayam yang dibekalkan. Akhirnya kebajikan murid-murid sekolah akan terjejas dan dikorbankan. Maka, Tuan Yang di-Pertua, sebelum terlambat, saya bercadang bahawa keputusan memberi kontrak secara rundingan kepada Distimas Sdn. Bhd dibatalkan ataupun dihadkan kepada kawasan Kuching sahaja.

Yang kedua, kontrak secara rundingan harus diberi kepada Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sarawak (Sarawak Economic Development Corporation). Dengan cara ini, kami berharap SEDC dapat memberikan kepada pembekal-pembekal bumiputera seluruh di Sarawak.

Ketiga, saya mencadangkan supaya Kementerian Kewangan bersama Kementerian Pendidikan mengkaji semula sistem tender sekarang, sama ada atau tidak ianya akan menghasilkan pembekalan ration ke sekolah-sekolah dan sama ada kebajikan murid-murid akan menjadi masa utamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu bahawa perkara ini diambil perhatian oleh Kementerian-kementerian berkenaan dan penjelasan harus diberi di Dewan yang mulia ini sama ada rasional atau tidak memberi kontrak kepada sebuah syarikat untuk membekalkan ayam ke sekolah-sekolah di seluruh Sarawak. Ini perlu demi mengelakkan isu ini dibangkitkan sebagai skandal.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah yang demikian, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1990. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan V.K. Sellappan.

**5.01 ptg.**

**Tuan V.K. Sellappan:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk berpartisipasi dalam perbahasan ini dan menyokong pembentangan Rang Undang-undang Akta Perbekalan 1990.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam, Ucapan Belanjawan 1990, ekonomi Malaysia kini telah bertambah kukuh. Akhirnya aktiviti pelaburan telah meningkat dan ini merupakan salah satu daripada faktor yang

memperkuat ekonomi negara. KDNK telah berkembang 8.7% dalam tahun 1988 dan dijangka mencatat perkembangan kira-kira 7.6% dalam tahun 1989. Di antara sektor-sektor yang menunjukkan perkembangan yang pesat ialah sektor perkilangan dan sektor pembinaan. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menekankan mengenai kadar inflasi di negara ini yang dianggap agak sederhana dan juga langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan kita untuk mengawal kenaikan harga.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan juga telah menekankan tentang kegiatan ekonomi di negara-negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) di mana kadar inflasi mereka semakin meningkat dan ini telah mengakibatkan permintaan yang rendah oleh mereka terhadap barangan-barangan utama kita. Kita mesti mencari langkah-langkah yang sesuai untuk memasarkan barangan utama kita di negara-negara yang bukan anggota OECD.

Jumlah hutang luar negara telah berkurangan kesan daripada pengurusan hutang yang cekap. Mengikut perangkaan yang diberikan, hutang luar negara dijangka berjumlah \$44,000 juta pada penghujung 1989 berbanding dengan lebih \$50,000 juta pada tahun 1986. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan kita telah menjelaskan sebahagian daripada hutang luar negara semasa penurunan nilai beberapa matawang asing seperti Yen dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1990 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini jelas merupakan satu Belanjawan untuk rakyat yang berada. Tetapi tidak dapat disangkal-kan bahawa Belanjawan ini juga menguntungkan rakyat yang berada khususnya yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti perniagaan. Galakan

diberikan oleh Kerajaan terhadap industri-industri kecil dan sederhana (IKS) telah membantu meningkatkan pelaburan asing mahupun tempatan di negara kita. Kadar pengangguran juga telah dapat dikurangkan dan sebagaimana yang didesakkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, para majikan harus memberi upah berdasarkan kepada keupayaan dan daya pengeluaran seseorang.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Perbekalan 1990, sejumlah \$14,786,630,980 telah disediakan untuk pelbagai Kementerian dan jabatan Kerajaan. Permintaan sebanyak \$1,278,130,500 kepada Kementerian Kesihatan menunjukkan bahawa Kerajaan kita memberikan perhatian yang berat terhadap kesihatan rakyat. Saya syorkan supaya pusat-pusat kesihatan ditubuhkan di setiap kawasan pendalaman khususnya di kampung-kampung dan estet-estet di mana bilangan penduduk-penduduk yang miskin adalah tinggi. Juga Kerajaan harus meningkatkan bilangan pegawai-pegawai perubahan iaitu seorang doktor untuk 1,000 orang. Purata sekarang ialah seorang doktor untuk 2,000 orang. Kerajaan juga harus mengkaji skim gaji kepada para doktor agar mereka tidak akan meninggalkan perkhidmatan mereka dengan Kerajaan.

Peruntukan bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang berjumlah sebanyak \$311,715,500 juga patut disanjung. Kerajaan memang sedar tentang perkembangan harus dibawa kepada rakyat yang kurang berada khususnya yang berada di kawasan pendalaman dan juga di rancangan-rancangan FELDA, FELCRA dan lain-lain. Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk memperbaiki kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas di kawasan-kawasan luar bandar. Saya rasa pembinaan

dan pembaikan jalan luar bandar, bekalan elektrik dan bekalan air harus diutamakan. Untuk ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa sejumlah \$1,144 juta telah diperuntukkan bagi tahun 1990 untuk program-program ini. Beliau juga telah menjelaskan bahawa sejumlah \$452 juta telah disediakan untuk melaksanakan projek-projek perbekalan air dan sejumlah \$168 juta telah disediakan untuk pembayaran bekalan elektrik.

Peruntukan sebanyak \$334,336,400 kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menunjukkan bahawa Kerajaan ingin memperluaskan penglibatan rakyat dalam bidang pertanian dan penternakan khususnya dalam rancangan-rancangan FELDA, FELCRA dan lain-lain. Pembukaan tanah-tanah baru oleh pihak FELDA serta pemberian hakmilik tanah jelas menunjukkan sikap Kerajaan dalam membantu golongan masyarakat yang berpendapatan rendah. Bagi membantu golongan ini Kerajaan telah menyediakan sejumlah \$68 jutadalam tahun 1990 bagi memberi bantuan langsung menerusi projek-projek penempatan semula industri kampung dan pertanian in situ. Saya bersetuju dengan Kerajaan bahawa golongan inilah yang patut dibantu dan saya juga ingin meminta Kerajaan supaya memperluaskan bantuan-bantuan ini ke kawasan-kawasan estet.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan merupakan tunjang utama di dalam sesebuah masyarakat. Pendidikan akan membantu seseorang itu untuk berdikari dan berusaha mempertingkatkan hidupnya. Sejumlah \$4,664,243,600 yang diperuntukan kepada Kementerian Pendidikan adalah wajar. Ketika ini Akta Pendidikan sedang dikaji bagi memastikan bahawa para pemuda-pemudi kita dilengkapi dengan pengetahuan yang dikehendaki oleh negara kita.

Sekolah-sekolah teknikal dan vokasional perlu dibina untuk menampung permintaan bagi pelajar-pelajar mahir. Melalui peruntukan ini maka mutu pendidikan juga akan dapat dipertingkatkan sesuai dengan KBSR dan KBSM.

Kerajaan juga harus memberi perhatian mengenai pengambilan guru-guru siswazah dan lepasan maktab. Segala kekurangan dari segi tenaga guru haruslah diatasi dengan cepat. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Kerajaan, kebajikan guru-guru telah diambil kira apabila Kerajaan bersetuju melaksanakan skim gaji dan peringkat insentif-insentif seperti akan diberikan dorongan kepada guru-guru untuk mempertingkatkan mutu pengajaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan negara kita bergantung kepada kekuatan pasukan keselamatan dan Kerajaan telah mengumumkan peruntukan sejumlah \$2,309,459,000 kepada Kementerian Pertahanan. Dari jumlah ini sebanyak \$390 juta ialah bagi pertahanan dan \$335 juta bagi keselamatan dalam negeri. Saya syorkan agar Kerajaan menambahkan peruntukan kepada Kementerian ini pada masa hadapan memandangkan bahawa negara kita kini memiliki ekonomi yang kukuh dan keadaan politik yang stabil. Hal ini akan memberangsangkan negara-negara lain untuk menaruh minat terhadap pencapaian negara kita.

Industri pelancongan telah mendapat peruntukan khas jumlah \$92 juta. Dari sejumlah ini \$46 juta telah disediakan bagi tahun 1989 dan bakinya untuk menjayakan Tahun Melawat Malaysia 1990. Dalam membantu penduduk-penduduk luar bandar, khususnya semasa Tahun Melawat Malaysia 1990, Kerajaan telah memperuntukkan \$5 juta sebagai pinjaman kepada penduduk-penduduk luar bandar yang ingin menyediakan kemudahan-kemudahan chalet dan kemudahan-kemudahan

lain untuk pelancong ini. Ini jelas menunjukkan bahawa dalam setiap program yang dilaksanakan oleh Kerajaan maka perhatian akan diambil terhadap rakyat yang tidak berada. Saya yakin bahawa penglibatan masyarakat luar bandar dalam industri pelancongan akan membantu mereka mempertingkatkan hidup mereka dan juga mempamerkan budaya kita kepada rakyat asing.

Tuan Yang di-Pertua, saban hari kita mendengar rungutan daripada pelbagai pihak, khususnya kesatuan mengenai taraf pengajaran serta penggunaan sesuatu perkara. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Menteri Kesihatan bahawa Kementerian-kementerian dan agensi-agensi perlulah mengawasi dengan lebih rapi lagi pelaksanaan dan kemajuan projek-projek. Perbelanjaan haruslah dikurangkan atas projek-projek yang tidak membawa faedah dan perancangan yang awal harus dilaksanakan dan dikenalpasti.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah bersetuju untuk memperkenalkan satu sistem pengurusan kewangan yang baru kepada tiga Kementerian iaitu Kementerian Kerjaraya, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebajikan Masyarakat. Sistem melibatkan penurunan kuasa yang lebih di dalam membuat keputusan untuk membolehkan Kementerian tersebut mengawal dan mengurus pentadbirannya secara tersendiri. Usaha-usaha Kerajaan untuk menswastakan beberapa agensi Kerajaan seperti LLN, KTM dan sebagainya dapat membantu mengurangkan perbelanjaan Kerajaan. Ia juga akan menjadikan agensi-agensi tersebut untuk berfungsi dengan lebih licin dan agresif.

Adalah amat menyenangkan untuk mendengar ucapan Yang Berhormat Menteri Kawangan semasa pembentangan Belanjawan tahun 1990 apabila beliau menyatakan bahawa kedudukan ekonomi tahun 1990 diramalkan menggalakkan. Saya yakin bahawa jika Kerajaan meneruskan dasar-dasar yang ada pada masa sekarang, maka pasti negara kita akan maju

lagi dan keadaan inflasi juga akan dapat dikurangkan.

Kegiatan pembinaan telah dipilih dan aliran modal luar negeri juga semakin bertambah. Peruntukan sebanyak \$103,686,400 kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menunjukkan bahawa Kerajaan. mengalukan pelaburan asing. Galakan dan insentif-insentif yang diberi telah mendorong pelabur-pelabur asing untuk melabur menghasilkan keuntungan melalui pelaburan juga kadar pengangguran telah dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat disangsi lagi bahawa prestasi ekonomi negara kita telah semakin kukuh untuk menghadapi abad ke-21. Saya yakin bahawa harga barangan utama kita juga akan naik kesan daripada permintaan yang akan bertambah daripada negara-negara asing.

Peruntukaa sebanyak \$163,686,640 kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian jelas menunjukkan bahawa Kerajaan menitikberatkan iasentif-insentif yang harus diberikan kepada para pelabur Kerajaan telah melonggarkan syarat-syarat ekuiti serta penurunan cukai syarikat.

Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian bersama rombongan beliau telah melakukan lawatan ke negara-negara asing untuk mencari pelabur serta meyakinkan mereka mengenai sistem ekonomi negara kita yang liberal dan bersikap positif.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini terdapat persaingan di kalangan institusi-institusi kewangan bagi membiayai pembelian rumah. Ini juga telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawan 1990. Peruntukan sebanyak \$50,407,400 kepada Kementarian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menunjukkan bahawa Kerajaan berhasrat untuk membina lebih rumah-rumah kos rendah bagi menampung permintaan orang-orang yang

kurang berada. Apa yang amat menggembirakan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan ialah Skim Pinjaman Perumahan untuk mereka telah dilonggarkan. Hal ini akan menambahkan permintaan terhadap rumah-rumah dan seterusnya memulihkan industri perumahan. Saya berharap keadaan ini tidak akan membawa satu peningkatan dalam harga rumah-rumah. Harga bumbung bagi rumah-rumah kos rendah patut ditetapkan pada kadar \$25 ribu. Lebih banyak rumah-rumah kos rendah harus dibina di kawasan-kawasan pendalaman seperti di kampung-kampung dan estet-estet. Kumpulan-kumpulan setinggan harus diberi keutamaan juga dalam memiliki rumah kos rendah. Penambahan dalam pembinaan rumah-rumah akan mempertingkatkan pengeluaran simen dan sebagainya. Hal ini akan membantu mewujudkan lebih banyak firma-firma yang akan menawarkan pekerjaan.

Jumlah peruntukan bagi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sebanyak \$28,960,500 juga menunjukkan bahawa Kerajaan ingin memajukan keadaan hidup mereka. Orang-orang Asli kini telah mula hidup di bandar-bandar bersama-sama masyarakat lain dan dalam hal ini Kerajaan perlulah memperuntukkan, khususnya dalam bentuk kuota dalam bidang-bidang perumahan, pendidikan, ekuiti dan sebagainya. Orang-orang Asli juga dapat membantu industri pelancongan dengan memperkenalkan budaya mereka yang agak unik.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang menggalakkan siswazah-siswazah menganggur untuk melibatkan diri dalam bidang pertanian. Untuk ini, Kerajaan melalui peruntukan sebanyak \$676,760,500 harus menggalakkan ramai lagi partisipasi-partisipasi siswazah-siswazah dalam bidang-bidang seperti perikanan, penternakan dan sebagainya dengan melonggarkan beberapa syarat. Sektor pertanian sebagaimana yang diketahui menyumbangkan 30% dari jumlah gunatenaga. Atas faktor-faktor ini, Kerajaan telah memperuntukkan

18% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan untuk sektor pertanian. Agensi-agensi seperti FELDA, FELCRA dan RISDA harus diberi satu facelifting untuk menarik kaum-kaum lain khususnya dari kalangan, bukan bumiputera untuk berpartisipasi dalam skim-skim Kerajaan di agensi-agensi tersebut.

Sektor-sektor pertanian juga harus dipermodenkan dan pengeluarannya haruslah untuk komersial secara besar-besaran.

Maksud B.64, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar kerana mengambil berat tentang perjuangan sisa-sisa racun kimia.

Sepertimana diketahui bahawa negara ini adalah salah sebuah negara yang sedang membangun dengan pesat di rantau Asia Tenggara ini. Peruntukan berbagai industri di negara ini khususnya di Lembah Kelang dan Pulau Pinang menimbulkan berbagai masalah. Masalah yang utama adalah pembuangan sisa-sisa kimia dan industri di merata-rata tempat. Inisiatif Kerajaan supaya membuang sisa-sisa racun setempat untuk menjamin kesejahteraan penduduk-penduduk dan rakyat kita. Berikutan itu cadangan Kementerian berkenaan untuk membuang sisa-sisa kimia di daerah Sepang, Selangor adalah tidak wajar memandangkan daerah Sepang adalah daerah di negeri Selangor Darul Ehsan yang menghasilkan banyak pertanian, perikanan dan juga masuk ke dalam perindustrian. Sekeliling tempat cadangan tersebut mempunyai kawasan-kawasan kampung rumah persendirian kampung baru dan ladang-ladang berhampiran.

Di daerah Sepang, baru sahaja nampak pembangunan di dalam pentadbiran Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad, Menteri Besar Selangor, di Bandar Baru Salak Tinggi dan kawasan-kawasan perindustrian berhampiran iaitu Bandar Baru Bangi, Bukit Canggang dan Pekan Baru Banting. Ini pula saya percaya dapat meyakinkan

pelabur asing untuk mendirikan kilang dan institusi-institusi pengajian di kawasan ini, demi kebaikan penduduk-penduduk tanahair kita. Tetapi saya rasa dengan cadangan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menempatkan sisa-sisa kimia di kawasan ini yang boleh menjejaskan minat pelabur asing untuk menanam modal di kawasan ini. Jika pembuangan sisa-sisa kimia penempatannya di daerah Sepang, pasti pembangunan pesat di Bandar Baru Salak Tinggi, Selangor dan sekitaran akan terjejas dan boleh meluputkan cita-cita rakyat daerah Sepang untuk melihat daerah ini setanding dengan daerah-daerah yang lain di negeri Selangor ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan daerah Sepang ini tidak jauh dari Bandar Kuala Lumpur dan bandar Seremban, saya rasa dari Kuala Lumpur boleh sampai ke pekan Sepang dalam masa 45 minit. Untuk perhatian Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, perkembangan Bandaraya Kuala Lumpur sedang menuju ke daerah Sepang dan ia hanya 25 kilometer jauh dari sempadan daerah Sepang. Di sekitaran 50 kilometer persegi ini macam-macam boleh berlaku. Penduduk-penduduk daerah ini mendapat air minuman daripada kawasan ini. Punca air mengalir melalui tempat cadangan pembuangan sisa kimia, dan jika tersilap sedikit, racun-racun dari sisa pembuangan ini akan membawa maut kepada penduduk-penduduk di daerah ini. Saya berharap pihak yang berkenaan kaji semula tempat pembuangan sisa kimia ini di daerah Sepang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan Maksud B.47, iaitu Kementerian Pengangkutan yang mendapat peruntukan sebanyak \$143,302,800.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu memastikan bahawa tidak ada orang yang menyeleweng atau menyalahgunakan peruntukan atas keistimewaan yang diberikan oleh Kerajaan ataupun Badan-badan Berkanun.

Saya ingin menarik perhatian Dewan ini mengenai satu perkara yang serius berkaitan dengan seorang Ahli Parlimen yang telah menipu Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS), dengan menyalahgunakan keistimewaan yang diberikan kepada kakitangan dan suami atau isteri kakitangan MAS.

Saya merujuk kepada kes Yang Berhormat Tuan Karpal Singh, Ahli Dewan Rakyat kawasan Jelutong. Yang Berhormat Karpal Singh telah menyalahgunakan keistimewaan yang diberikan kepada isterinya sebagai seorang kakitangan MAS. Kakitangan MAS dibenarkan berjalan dengan tiket diskaun potongan, iaitu bayaran sebanyak 10% kadar tambang biasa. Tiket potongan ini dibenarkan hanya untuk perjalanan bagi maksud lawatan dan hiburan dan bukannya untuk maksud perniagaan. Izinkan saya merujuk kepada Seksyen 10, Jadual Pertama, Syarat Perkhidmatan Am Perjanjian MAS dan kakitangan yang berbunyi demikian:

"Pasangan atau tanggungan kakitangan hendaklah tidak menggunakan kemudahan perjalanan istimewa atau murah ini untuk tujuan perdagangan atau perniagaan."

Pada 12hb Oktobes, 1981 Yang Berhormat Karpal Singh telah menaiki penerbangan MH 613 via Singapura ke Kuching. Beliau menggunakan tiket diskaun dan hanya membayar 10% iaitu \$48 sahaja. Perjalanan Yang Berhormat Karpal Singh ini bukanlah bagi maksud

hiburan, rayuan sivil 52/1890 di hadapan Mahkamah Persekutuan yang bersidang di Kuching pada minggu itu juga. Ini ada bukti. Ini merupakan salah satu bukti, bahawa Yang Berhormat Karpal Singh telah menyalahgunakan keistimewaan yang diberikan kepada isterinya dan menipu MAS tanpa membayar tambang biasa.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah saya terangkan adalah satu kes di mana beliau telah menipu MAS yang kica sendiri telah siasat dan mendapat buktinya. Yang Berhormat Karpal Singh telah menggunakan keistimewaan isterinya bukan sekali atau dua, tetapi beberapa kali. Biarkan saya menyenaraikan jumlahnya bagi tiga tahun.

Dalam tahun 1980, dari 24hb Januari hingga 18hb Disember, beliau telah menggunakan tiket diskaunnya sebanyak 33 kali.

Dalam tahun 1981, dari 29hb Januari hingga 4hb Disember beliau telah menggunakan tiket diskaun sebanyak 20 kali.

Dalam tahun 1982, dari 17hb Januari hingga 30hb November, beliau telah menggunakan tiket diskaun sebanyak 32 kali.

Ada buktinya di sini. Biar saya tanya sekarang apakah Yang Berhormat Karpal Singh menggunakan tiket konsesi ini untuk maksud perniagaan? Saya telah memberikan angka-angka bagi tahun 1980, 1981 dan 1982. Kini saya ingin mengetahui selama berapa tahun dan berapa kali setiap tahun beliau menggunakan keistimewaan isterinya untuk berjalan dengan tiket diskaun MAS. 10%.

Saya menyeru supaya pihak Polis dan BPR menyiasat perkara ini dengan serta-merta. Saya juga meminta pihak Polis supaya **[Tepuk]** mengambil tindakan criminal case atas Yang Berhormat Karpal Singh terhadap kes yang telah saya membuktikan di Dewan hari ini.

Perkara ini bukanlah satu perkara yang kecil. Ini adalah satu perkara yang memalukan Yang Berhormat Karpal Singh Sebagai seorang Ahli Parlimen, beliau telah menipu MAS dan beribu-ribu pemegang saham. Beliau pasti merasa malu memegang pejabat awam. Kelakuan seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak senonoh dengan tabiat seorang Ahli Parlimen yang telah dipilih dan dipertanggungjawabkan untuk menjaga amanah masyarakat. Saya menyeru beliau meletakkan jawatan kerusi Parlimen sekiranya beliau merupakan seorang yang bermaruah. **[Tepuk]**

Tuan Yang di-Pertua, dalam Maksud B. 49, saya berpuas hati terhadap pembekalan elektrik oleh LLN kepada semua rumah kediaman dan ladang-ladang di tanahair kita. Sepertimana dimaklumkan LLN mengenakan kadar bagi bekalan elektrik kepada pengguna ialah tarif kediaman bagi 100 unit pertama 20 sen dan manakala perdagangan voltan rendah bagi semua unit ialah 24 sen. Pengguna-pengguna kediaman di ladang diambil kira dalam bahagian perdagangan voltan rendah, bukannya di tarif kediaman. Majikan ladang telah mengenakan 24 sen bagi setiap unit walaupun kegunaan elektrik mereka adalah taraf kediaman. Dalam lain-lain perkataan, pengguna kediaman ladang membayar 4 sen lebih tinggi jika dibandingkan kepada pengguna-pengguna kediaman. Pengguna-pengguna kediaman ladang haruslah menikmati kadar yang sama dengan tariff kediaman iaitu 20 sen bagi 100 unit pertama. Adakah Kementerian yang berkenaan mengetahui tentang kadar yang dikenakan kepada pengguna-pengguna kediaman

ladang? Apakah tindakan susulan terhadapnya, sekiranya Kerajaan tidak mengambil tindakan, saya syorkan supaya mengambil tindakan untuk menjamin kesejahteraan rakyat tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, bekalan elektrik di kawasan daerah Sepang ini dibekalkan daripada dua daerah iaitu daerah Hulu Langat, Kajang, selangor dan daerah Port Dickson, Negeri Sembilan. Daerah Sepang selangor ini sentiasa menghadapi gangguan bekalan elektrik. pekerja-pekarja LLN daerah tersebut memberikan keutamaan kepada daerah mereka dan mengambil masa dua atau tiga hari untuk membaiki daerah Sepang. Dalam lain-lain perkataan, mereka mengabaikan daerah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tibalah masanya bagi daerah Sepang ini supaya mendirikan sebuah pencawang utama daerah di Bandar Baru Salak Tinggi dan Pejabat LLN Daerah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sekali lagi saya menyokong Akta Perbekalan, 1990 yang dikemukakan di Dewan ini supaya diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajjah Rosnah.

**5.34ptg.**

**Puan Hajjah Rosnah binti Raji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberi untuk saya bersama-sama membahas suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan satu Belanjawan yang dialu-alukan oleh semua rakyat. Jika diteliti ucapan Yang Berhormat

Menteri Kewangan pada 18hb Disember, 1989 yang lalu sudah jelas membayangkan bahawa kestabilan ekonomi dalam negara kita adalah oleh kerana kestabilan politik. Sudah banyak perkara-perkara yang telah disentuh oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat mengenai Belanjawan ini dan saya hanya akan menyentuh secara ringkas sahaja iaitu yang pertama Maksud B.1 Parlimen, peruntukan sebanyak \$15,569,000.

Pengubahsuaian yang dilakukan di dalam Bangunan Parlimen baru-baru ini adalah memuaskan dan saya sendiri telah membawa beberapa pelawat dari negara Jepun dan mereka juga sangat tertarik akan Bangunan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Ahli Kelab Senator mengambil peluang di sini mengucapkan ribuan terima kasih khas kepada Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua di atas kepimpinan Yang Berhormat selaku Ketua bagi Senator-senator sekalian yang membawa banyak perubahan dari berbagai aspek, sosial, kewangan dan dedikasi sebagai seorang Ketua. Yang Berhormat juga akan memperkenalkan majalah Senator yang akan dikeluarkan nanti untuk memberi maklumat-maklumat kepada masyarakat apa yang dibincang dan dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini. Tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri, peruntukan sebanyak \$418,092,310.

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan politik dalam negara kita yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir telah diketahui dan dirasakan oleh tiap-tiap masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Baru-baru ini dunia telah mengenali Malaysia dengan secara dekat dan dapat melihat di atas pembangunan Malaysia. Semua ini berlaku di atas kebijaksanaan dan keikhlasan Perdana Menteri yang dikasihi yang amat mengambil berat di dalam semua aspek

pengurusan, pentadbiran, pemerintahan, ekonomi dan membuat berbagai-bagai dasar supaya rakyat dapat hidup di dalam keadaan yang lebih sempurna dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, agama Islam adalah agama rasmi Malaysia dan kuasa diberi kepada tiap-tiap negeri. Walaupun begitu, masih terdapat kumpulan-kumpulan mengamalkan agama mengikut tafsiran dan amalan sendiri. Tidakkah Jabatan Perdana Menteri mengeluarkan garis-garis panduan atau risalah-risalah sebagai panduan kepada negeri-negeri. Berapa kalikah dalam setahun dibincang hal-hal keagamaan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan negeri-negeri.

Maksud B.17 Kementerian Belia dan Sukan, peruntukan sebanyak \$38,644,900.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan di atas kejayaan-kejayaan sukan di dalam negara kita baru-baru ini. Akhir-akhir ini saya lihat seolah-olah kegiatan-kegiatan sukan amat dititikberatkan sedangkan kegiatan-kegiatan belia kurang diberi perhatian. Saya sentuh perkara ini kerana di dalam salah sebuah seminar belia antarabangsa yang Malaysia menjadi tuan rumah yang disebutkan International Youth Village, 1989 baru-baru ini, pegawai dari Kementerian Belia dan Sukan tidak hadir untuk memberi satu ceramah yang disebut The Role of Youth in Economic Development. Sebuah Kementerian yang begitu besar tidakkah boleh memberi perhatian serius jika seseorang pegawai tidak dapat hadir diganti dengan pegawai yang lain. Dalam hal tersebut, imej Malaysia terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dalam sebarang seminar atau kegiatan belia hendaklah perkara yang saya sebutkan itu jangan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat 5 buah Pusat Latihan Belia dan seramai 6,055 orang ahli belia telah menghadiri kursus yang dianjurkan sepanjang tahun lalu. Dari angka tersebut, berapa peratuskah ahli-ahli belia itu boleh berdikari dan mendapat pekerjaan sendiri? Adakah Kementerian merekodkan dan membuat susulan sama ada atas kejayaan atau kegagalan projek-projek yang dilaksanakan dan adakah apa-apa langkah disusuli jika sesuatu projek itu gagal.

B.25 - Kementerian Pertahanan, \$2,309,459,000. Saya mengambil peluang di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan takziah kepada keluarga pegawai-pegawai yang terkorban di dalam masa menjalankan tugas di Sarawak baru-baru ini. Kehilangan mereka amat dirasakan oleh semua rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerap sangat terjadi kemalangan halikopter Nuri ini dan amat wajar seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya pesawat tersebut diperiksa dengan teliti dan dihentikan perkhidmatannya buat sementara waktu. Kami berdoa supaya keluarga yang terlibat bersabar dan dapat menghadapi cabaran yang amat besar ini dan selalulah berdoa mudah-mudahan roh mereka ditempatkan bersama-sama dengan orang yang beriman. Hari ini pampasan dibayar, syukur diucapkan.

Tuan Yang di-Pertua, B.26 - Kementerian Pendidikan yang dapat peruntukan sebanyak \$4,664,243,600.

Terlebih dahulu saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana Pusat Sumber yang telah saya kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini masa yang lepas telah dapat didirikan di Perlis. Terima kasih lagi sekali. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan di atas kejayaan beliau menjadi Pengerusi UNESCO baru-baru ini dan di atas beberapa kejayaan Kementerian Pendidikan seperti KBSR, bahasa baku, mengadakan perpustakaan keluarga di rumah supaya menggalakkan lagi pembacaan di kalangan anak-anak, kerana membaca adalah "Asas Budaya Ilmu". Hanya apa yang hendak saya sarankan supaya Kementerian Pendidikan dengan kerjasama PIBG dapat berkempen supaya diwujudkan perpustakaan mini ini di tiap-tiap rumah memandangkan ibu bapa tentu mampu berbuat

demikian.

Masyarakat kita belum wujud cintakan membaca, jadi jika dibandingkan dengan masyarakat disetengah-setengah negara, mereka begitu berminat untuk membaca. Kalau cintakan membaca ini wujud di mana-mana sahaja boleh kita membaca terutama di perhentian keretapi, lapanganterbang atau di mana sahaja supaya masa itu tidak terbuang dengan sia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di sekolah-sekolah rendah atau menengah kita dapati bahawa kita masih menggunakan perabot yang dibuat daripada kayu, khususnya meja dan kerusi dan didapati perabot-perabot itu mudah rosak, jadi saya suka syorkan di sini apa salahnya jika kerusi tersebut diganti dengan kerusi plastik dan Kementerian Pendidikan akan bertanggungjawab untuk mengendalikannya di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah juga saya ucapkan kerana dalam bahagian ko-kurikulum, Persatuan Puteri Islam akan diperkenalkan diperingkat universiti. Dengan ini sudah tentu akan menghasilkan pemimpin-pemimpin wanita yang akan menjadi pemimpin negara satu masa nanti. Satu lagi perkara suka saya sebutkan di sini mengenai dengan pinjaman kewangan untuk pelajar di luar negeri. Saya suka menyoal Kementerian yang berkenaan adakah wang-wang ini dapat dikumpul kembali setelah seseorang pelajar itu balik dan bekerja di Malaysia.

B.27 - Kementerian Luar Negeri iaitu sebanyak \$140,342,200. Saya juga ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, kalaulah sudah ramai rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh akan lawatan ke Manila baru-baru ini, saya juga ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih khususnya kepada Tuan Yang Terutama Duta Besar Malaysia di Manila Dato' Iman bin Mohd. Hanif dan pegawai-pegawainya di atas pertolongan dan

kecekapan beliau menyelamatkan kami di Kedutaan di Manila baru-baru ini. Sesungguhnya kami, amat terhutang budi dan nyawa pada masa tersebut dan kami berdoa mudah-mudahan Duta dan semua pegawai-pegawai serta kakitangan berada dalam keadaan sihat dan dapat menjalankan tugas dengan sempurna. Pengalaman yang kami perolehi ini adalah satu peristiwa yang amat sukar dilupai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, berapa Kedutaan Malaysiakah yang mempunyai bangunan sendiri dan berapa kedutaan pula yang menyewa bangunan-bangunan tersebut. Saya rasa jika sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku di luar negeri bangunan Kedutaan adalah tempat yang amat penting sebagai tempat yang boleh melindungi rakyat-rakyat Malaysia di luar negeri dan perlu diberi perhatian yang sewajar.

Satu lagi perkara yang suka saya sentuh ialah mengenai dengan pemimpin Al-Arqam. Di mana pemimpin besar Al-Arqam sekarang ini berada. Saya ingin mendapat tahu dari Kementerian Luar Negeri supaya memastikan Ustaz Azhari Muhammad pulang balik ke Malaysia tanpa membuang masa di luar negeri. Kepada Kementerian Dalam Negeri, saya juga ingin tahu bagaimana pasport Ustaz Azhari diperbaharui sejak 2 tahun yang lalu. Kepada Jabatan Perdana Menteri, saya juga ingin tahu, apakah usaha untuk memujuk supaya Ustaz Ashaari dan ahli-ahli Al-Arqam bertaubat dan meninggalkan amalan "Aurad - Muhammadiyah".

Tuan Yang di-Pertua, B.19 - Kementerian Pertanian, peruntukan sebanyak \$676,760,500. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian di atas kejayaan Kementerian seperti Bukit Cerakah yang menjadi satu tempat tarikan bukan hanya kepada pelancong-pelancong

dari luar negeri bahkan masyarakat kita dalam negeri pun berminat melawat ke sana.

Saya juga tertarik dengan package pelancongan nelayan yang dianjurkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, kerana dengan adanya projek tersebut bukan sahaja akan menambahkan pendapatan, bahkan masyarakat nelayan akan dititikberatkan tentang kebersihan alam sekitar. Saya ingin tahu tidakkah 'Package Pelancongan Nelayan" ini bertindan-tindih dengan projek-projek yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan? Saya juga tertarik dengan Seminar Kedai Kopi. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan sedikit mengenai dengan seminar tersebut? Setahu saya kedai kopi adalah tempat manusia bersimbang-simbang dalam berbagai hal.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.44 - Kementerian Penerangan yang banyak juga mendapat peruntukannya dan saya ucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana Lagu Yahu-Yahu itu telah diubahsuaikan dan sekarang telah dapat kita sama-sama dengar di televisyen. Dan saya juga sebagaimana Ahli-ahli yang lain minta perhatian Yang Berhormat Menteri supaya Laporan Parlimen juga dapat dimuatkan di RTM1 dan RTM2 untuk sama-sama rakyat kita mengetahui akan perkara-perkara yang dibawa di dalam Dewan yang mulia ini. Saya juga harap pihak-pihak akhbar akan juga membuat liputan kerana akhir-akhir ini saya dapati amat kurang sekali liputan-liputan yang telah diberikan di dalam akhbar mengenai apa yang berlaku di dalam Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, B.34 - Kementerian Kesihatan. Saya suka ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri iaitu ada beberapa jenis ubat yang telah dibuat begitu cantik dan ini khususnya menarik perhatian kanak-kanak dan ubat ini adalah jenis racun dan jika tidak dikawal betul-betul oleh penjaga kanak-kanak, ini amat merbahaya kepada anak-anak kita. Jadi, tidakkah boleh ubat-ubat yang beracun itu dibuat dengan corak dan warna yang tidak menarik seperti, warna yang menarik itu seperti merah jambu amat menarik sekali. Jadi, tidakkah boleh ubat-ubat yang beracun itu dibuat dengan warna yang agak tidak menarik. Dan saya juga ucapkan tahniah kerana negara kita tidak ramai yang mengidap penyakit AIDS, walau bagaimanapun beberapa mangsa telah kita ketahui, telah meninggal dunia dan saya harap orang-orang yang berisiko tinggi supaya dapat diperiksa lebih awal

sekurang-kurang untuk menjauhkan penyakit AIDS ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi iaitu mengenai dengan Kementerian Kewangan, khususnya Tabung Pemulihan Usahawan Bumiputera. Ada bank-bank yang tidak bekerjasama dan tidak mahu memberi pinjaman pemulihan walaupun telah diarah oleh Bank Negara. Beberapa tindakan secara halus telah dilakukan kepada mereka yang perlukan pertolongan dan pemulihan dan mengenakan berbagai-bagai syarat yang kadangkala kurang munasabah. Saya minta Bank Negara mencari ikhtiar yang tegas mengatasi perkara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, B.20 - Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan dan Perindustrian Malaysia kerana atas kecekapan dan dayausaha beliau serta rombongan telah keluar negeri untuk mendapat pelaburan asing. Ekoran dari usaha-usaha tersebut, ekonomi kita dapat ditinggikan kerana kestabilan politik negara juga pelabur-pelabur asing dapat datang dan rakyat kita akan dapat peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua,. itulah serba ringkas pandangan-pandangan saya dan dengan ini saya dengan sepenuhnya menyokong satu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih.

**6.05 ptg.**

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang raulia ini untuk turut berbahas dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1990 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri JCewangan baru-baru ini.

Sukacita saya merakamkan penghargaan dan Cerima kasih majoriti besar rakyat yang bermastautin di Pulau Pinang yang menyokong Barisan Nasional, parti yang tidak ada tolok bandingan dengan sebarang parti lawan yang diwujudkan oleh manusia-manusia yang cidak Cahu syukur kepada nikmat Allah dan yang buta hati serta buta akal pula terhadap kenyataan dan kebeaaran yang patut diterima dan disokong.

Pembentangan suatu Belanjawan yang terbaik dan boleh juga dinamakan sebagai satu Belanjawan untuk semua lapisan rakyat di negara ini, mereka amanahkan sebagai Belanjawan Pilihanraya dan Belanjawan Memancing Undi dan sebagainya. Mereka tidak senang hati melihat perkara-perkara yang baik dan secara bijaksana diperlukan oleh Kerajaan pimpinaa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang kita sanjung tinggi dan kasihi yang menjadi peransang yang utama kepada Belanjawan yang menyenangkan hati semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan ini tidak sama sekali membebankan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini termasuk petualang-petualang itu. Dan di samping itu memberi lebih peluang pekerjaan dan pendapatan serta menikmati satu taraf kehidupan yang lebih selesa kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua, jelas di sini bahawa Kerajaan telah dan sedang memikul tanggungjawabnya kepada rakyat dengan

bersungguh-sungguh dan bersedia menghapuskan cukai-cukai lama yang membebankan rakyat kepada cukai-cukai baru yang akan memberi lebih faedah kepada rakyat. Yang Berhormat Menteri Kewangan Dato' Paduka Daim Zainuddin dengan beraninya telah memberi satu gambaran jelas atas prestasi ekonomi negara kita dan membuat ramalan dan harapan yang berasas dan positif terhadap prestasi ekonomi masa hadapan. Mereka tidak memuji, mereka kutuk lagi dalam hal **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, saya serta rakyat mencintai Malaysia, merasa kagum dan bangga atas kejayaan Malaysia sebagai tuan rumah mengadakan Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel mahupun rakan saya banyak telah barcakap masalah ini tetapi saya masih hendak ulangkan lagi sebab banyak sangat mereka mengutuk lagi sehingga hari ini kononnya CHOGM ini adalah satu hal yang merugikan rakyat.

Persidangan tersebut dijalankan dengan cukup licin dan sempurna tanpa sebarang kecacatan apa-apa berlaku sepanjang masa Ketua-ketua negara asing itu berada di Malaysia. Syabas diucapkan kepada pihak polis dan tentera. Pelawat-pelawat kita sanjung tinggi, kejayaan Malaysia dan rakyatnya dan membawa balik kenangan manis mereka ke negeri-negeri masing-masing. Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. atas inayah dan pertolongannya terhadap kejayaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, Perdana Menteri semasa mempengerusikan CHOGM ini telah menunjukkan kepada dunia luar sifat-sifat kewibawaan dan ketokohnya yang **terpuji** yang mana adalah ketara sekali terpendam dalam hati sanubarinya. Tetapi kini sudah mula memperlihatkan kepada dunia luar se-

hingga ramai rakyat dari dalam dan luar negeri memujinya sehingga hari ini. Kejayaan beliau telah mengharumkan nama negara Malaysia di arena antarabangsa. Pendek kata, CHOGM telah membuktikan bahawa kita adalah sebuah negara yang berbudi bahasa, beramah dan cekap mengendalikan persidangan peringkat antarabangsa. Perlantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sebagai Ketua Kumpulan Penilaian Peringkat Tertinggi Komanwel bagi mengkaji semula keseluruhan pencapaian Pertubuhan Komanwel termasuk juga Secretariatnya adalah membuktikan bahawa negara Malaysia sedang dipimpin oleh seorang Perdana Menteri yang berwibawa dan yang berserba boleh dan tidak mudah dicari ganti. Marilah kita berdoa kepada Allah s.w.t. agar mengurniakan kepada beliau kesihatan yang baik dan umur yang panjang agar beliau boleh lanjutkan lagi usaha-usaha yang baik itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya kejayaan yang kita capai dengan CHOGM itu akan disusuli pula dengan satu lagi kejayaan, iaitu kempen Tahun Melawat Malaysia yang akan bermula pada bulan hadapan, iaitu 1hb Januari, 1990. Pengalaman rakyat Malaysia yang menjayakan pesta sukan yang telah diadakan pada 20hb Ogos lalu, iaitu SEA Games akan berasa berpositif dan meyakinkan mereka untuk menghadapi satu lagi cabaran yang pastinya akan menguntungkan negara dan rakyat kita pada keseluruhannya. Kita sudah termaklum bahawa Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan telah mengatur program-program dinamik bagi menjadikan tahun 1990 sebagai permulaan pembangunan industri pelancongan yang lebih cergas. Di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang memperakukan satu peruntukan yang besar lagi lumayan untuk membangunkan industri pelancongan ini yang mana akan memberi keuntungan dan faedah secara langsung dan tidak langsung kepada sebahagian besar rakyat kita.

Saya berharap pelancong-pelancong yang didestinasikan ke Malaysia jangan pula menjadi pelancong transit untuk menuju ke Haadyai dan Bangkok di mana satu usaha yang hebat sedang dijalankan sekarang bagi menarik pelancong-pelancong kita ke sana. Kita tidak rela mendengar rakyat Malaysia mengatakan bahawa keseronokan dan relax ala Haadyai dan ala Bangkok tidak boleh didapati di negeri Malaysia, kononnya negeri ini negeri otordok yang banyak menghalang kebebasan seks. Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan serta Perbadanan Pembangunan Pelancongan perlu berhati-hati dengan pemandu-pemandu pelancong kita sendiri. Mercka ini diharap tidak menjadi seperti

pagar makan padi dan juga mereka ini berhasrat untuk meraut keuntungan yang besar dan habuan yang besar daripada pengusaha-pengusaha pelancong di negeri jiran kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Tahun Melawat Malaysia kita rakyat Malaysia perlulah tunjuk contoh-contoh baik yang akan dipuji oleh pelancong asing semasa mereka berada di negara kita. Kalau kita bertutur, bergaul serta berbudi bahasa dan menghormati mereka, nescayalah nama negara Malaysia dan rakyatnya disanjung tinggi dan diingat selalu. Inilah masanya kita rakyat Malaysia perlu membuktikan kecintaan dan kesetiaan kita kepada negara Malaysia, jangan hanya ada di bibir mulut sahaja dan mempraktikkan amalannya, perangai baik, akhlak yang hasanah, berbudi bahasa, bekerjasama, bermuafakat di antara satu sama lain tanpa mengira kaum dan mengurangkan jenayah dan pergaduhan serta menjaga kebersihan diri sendiri dan negeri. Akhbar dan media-media massa pula perlulah jangan menerbitkan berita-berita jenayah di muka hadapan akhbar, cerita-cerita khalwat, pertengkaran ahli-ahli politik yang kecil-kecil pun dibesar-besarkan nanti dan isu-isu dakwah songsang dengan cara besar-besaran pula yang boleh menakut-nakutkan pelancong-pelancong ketika mereka berada di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, industri perfileman menggalakkan kreativiti di kalangan generasi muda dewasa **ini**. Industri perfileman memainkan peranan tidak kurang pentingnya dalam membangunkan sosial budaya bangsa dan adalah sangat rapat kaitannya, dengan izin, quality of life, kualiti hidup seseorang. Selain dari itu, dia boleh membantu mengurangkan masalah pengangguran, contohnya setiap manusia dilahir di dunia ini ada bakat tersendiri, bakat semulajadi terutama di kalangan generasi muda. Jika

satu usaha disalurkan betul-betul ke arah itu ramailah pemuda dan lepasan universiti dapat berkecimpung dalam perfileman ini sebagai penulis-penulis skrip, pelakon-pelakon, pemuzik-pemuzik, pengarah-pengarah dan sebagainya. Maka pada hemat saya kenalah pada masanya sekarang FINAS (Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia), sebuah agensi di bawah Kementerian Penerangan mengambil langkah-langkah untuk mencapai tujuan dan matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak juga rancangan baik sedang disusun oleh FINAS tetapi setiap rancangan baik itu tidak ke mana-mana jika tidak ada dorongan yang kuat, khususnya daripada agensi-agensi Kerajaan, Perbadanan Pembangunan Pelancongan dan Filem Negara. Saya ingin merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan agar satu perhatian yang serius diberikan kepada usaha-usaha FINAS dengan menyediakan peruntukan kewangan tambahan bagi memajukan industri perfileman dan video kerana saya lihat tidak ada sebarang peruntukan diberi kepada tujuan tersebut melainkan pada tahun 1981 satu peruntukan sebanyak \$27 juta telah diberi secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 1985. Peruntukan ini telah membolehkan FINAS melaksanakan projek-projek pembangunan fizikal seperti bangunan ibu pejabat dan pusat latihan di kompleks-kompleks Studio Merdeka, pembinaan sebuah pusat post produksi dan kemudahan-kemudahan peralatan yang lain untuk dimanfaatkan kepada industri perfileman tempatan. Jadi perlulah ditambah peruntutannya.

Melalui akhbar baru-baru ini Kementerian Penerangan akan menjalankan kempen penyelesaian, iaitu pelesenan dan penguatkuasaan di seluruh negara mulai tahun depan dengan inisiatif FINAS bagi membasmi kegiatan dan pengedaran video filem haram serta lucah. Pihak Polis, Kastam, RTM, TV3 dan juga orang ramai perlulah memainkan peranan yang jitu untuk menjayakan kempen ini.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 70an pucuk pimpinan kita dengan pandangan jauh telah mula memproses pembangunan ekonomi negara dengan kemajuan KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) yang meningkat dari \$55.6 ribu juta dalam tahun 1981 kepada \$81.5 ribu juta dalam tahun 1988. Nilai eksport juga telah meningkat dari \$2.8 ribu juta kepada \$5.8 ribu juta pada masa yang sama dan nilai pendapatan per kapita juga telah meningkat dari \$950 pada tahun 1970 kepada \$4,815 pada tahun 1988. Jelaslah di sini kita dapat lihat bahawa sektor pembuatan yang mendorong pasaran eksport ke negara-negara luar telah muncul sebagai satu sektor yang dinamis dan amat penting di negara kita, Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan juga Yang, Amat Berhormat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri Negeri-negeri yang telah berjaya menarik pelabur-pelabur asing ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih tidak senang hati dengan harga-tiarga barang terkawal dan tidak terkawal yang mana dinaikkan dengan sesuka hati oleh pengeluar dan pengedar barang-barang tersebut. Pada tahun hadapan, insya Allah, saya ingin melihat perkembangan baru di mana Kerajaan boleh menggunakan kekerasan melalui pegawai-pegawai penguatkuasanya untuk menurunkan harga-harga barangan selepas Menteri Kewangan telah menghapuskan beberapa jenis cukai dalam Belanjawan ini.

Kita sering mendengar rungutan rakyat bahawa penjual-penjual, pengusaha-pengusaha, pekedai-pekedai dan sebagainya tetap tidak mahu menurunkan harga seperti yang dikehendaki kerana mereka ghairah hendak meraut keuntungan yang besar. Ini menyebabkan bukan sahaja hasil daripada pengurangan cukai-cukai tersebut tidak dapat dinikmati oleh semua kalangan rakyat, bahkan juga menimbulkan rasa benci rakyat terhadap pihak-pihak tertentu, termasuk juga Kerajaan. Maka saya ingin mencadangkan supaya satu Jawatankuasa Kawalan Harga Kuasa Tertinggi, dengan izin, High Powered Committee yang boleh bertindak dengan segera untuk menyekat dan menghindar perbuatan naik harga barang ditubuhkan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, Bangunan Wisma Peladang di Jalan, Bukit Bintang, saya ingin tegur sedikit, sudah tidak digunakan atau disewakan lebih kurang dua tahun lamanya. Tetapi hebat sungguh ceritanya 'Hari Ini Dalam Sejarah' di RTM dan Radio. Kepada Menteri yang berkenaan, saya ingin merayu agar satu tindakan segera diambil bagi memulihkan semula segala kegiatan yang boleh memberi manfaat dan faedah kepada peladang-peladang dan erti kata yang sebenar, bukan hanya bergangga dengan simbulnya dan bangunan yang indah yang kosong ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telahpun bercakap fasal kebocoran kertas peperiksaan, tetapi saya ingin menyentuh juga. Pembocoran kertas peperiksaan SPM Bahasa Malaysia II telah membangkitkan kemarahan murid-murid, guru-guru dan ibu-bapa. Banyak kesulitan timbul akibat beberapa kerat manusia yang gelojoh yang ingin mencari wang senang, dengan izin, easy money, semata-mata hendak memuaskan hati dan nafsu, tanpa menghiraukan keburukan dan keaiban yang akan menimpakan Kerajaan dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia. Maruah dan integriti Kementerian berkenaan dicemar. Ketika Yang Berhormat Menteri Pendidikan berada di Paris untuk melaksanakan tugas beliau sebagai Presiden UNESCO yang baru dipilih. Diucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau di atas kejayaan itu. Ekoran dengan kejadian ini, pihak Polis telah memberkas mereka yang terlibat untuk dibawa ke mahkamah pengadilan supaya hukuman yang setimpal dengan perbuatan mereka itu dikenakan.

Bagi saya, ini tidak mencukupi. Kementerian Pendidikan perlu juga ambil tindakan berasingan yang lebih keras lagi sehingga jawatan mereka ini digantung tanpa gaji, sementara menunggu keputusan mahkamah. Selepas mereka dijatuh hukuman, jawatan-jawatan mereka perlu dilucutkan tanpa diberi sebarang faedah atau ganjaran atas khidmat mereka itu dengan Kementerian tersebut. Kita tidak mahu mendengar lagi sebarang pembocoran kertas peperiksaan berlaku di masa-masa hadapan. Mungkin ia berlaku, akan berlaku jika sekiranya tindakan yang keras tidak diambil supaya itu menjadi satu tauladan dan contoh pada mereka yang lain yang hendak mengikut jejak mereka itu.

Kementerian Pendidikan perlulah berikhtiar bersungguh-sungguh dan menggunakan sistem baru yang lebih moden dan melantik mereka yang benar-benar jujur. Ujilah beberapa pegawai yang patut diuji supaya mereka betul-betul kita yakin ikhlas untuk ditugaskan atau mengisi jawatan yang dikosongkan oleh pengkhianat-pengkhianat itu.

Tuan Yang di-Pertua, kemahuan Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay agar TV3 menyiarkan Berita dalam Bahasa Tamil dan Tionghoa, atas peribadi saya Senator Haji Hamid Araby tidak bersetuju. Memadailah dengan RTM yang menyiarkannya. Saya tidak tahulah rakan-rakan saya. Saya percaya mereka juga bersetuju, memadailah, cukuplah RTM ini ada dua bahasa, tiga bahasa, Inggeris, Bahasa Malaysia, Bahasa.keempat, Bahasa Tionghoa, Bahasa Tamil, memadai. Sudah banyak rancangan ada. Berita itu sama juga. Tetapi saya ucap syabas kepada TV3 kerana Bahasa Malaysia digunakan dalam banyak perkara, dalam banyak acara, banyak program dan banyak juga program-program yang berkaitan dengan pendidikan semua dalam Bahasa Malaysia, semua rakyat Malaysia

memahami, kecuali beberapa orang kita sahaja tidak mahu barangkali. Dia faham, tetapi dia sengaja kata dia tidak faham. Mustahil dia tidak faham bahasa yang mudah itu. Dan lagi pula kita puji TV3 bersungguh-sungguh untuk menggunakan Bahasa Baku. Kita pun kadang tidak bercakap Bahasa Baku. Tetapi bila kerja baik dibuat, perlulah kita puji.

Di sini saya hendak serulah kepada TV3 kalau boleh semua acara, semua program dalam Bahasa Malaysia. Kalau boleh, berita dalam Bahasa Inggeris pun tidak perlu ada. Biar TV3 itu adalah TV yang membuktikan Bahasa Malaysia disanjung tinggi dan rakyat Malaysia anggaplah Bahasa Malaysia itu sebagai bahasa ibunda. Tidak ada bahasa lain yang mengganti bahasa ibunda. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, sound system ini deras sedikit. Di samping itu, kita bermesyuarah.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Tuan Haji Hamid Araby bia Haji Md. Salih: Ya .**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Duduk, duduk.

**Tuan C. Krishnan:** Perlembagaan Malaysia telahpun mewajibkan bahawa Bahasa Kebangsaan adalah Bahasa Malaysia bahasa kita. Ini hakikat semua orang sudah terima, tetapi lain-lain bahasa boleh digunakan di dalam amalan mereka. Apa salahnya berita dalam Bahasa Tamil dan Cina untuk beri lebih maklumat, lebih penerangan kepada orang-orang yang kawan-kawan kita yang duduk dalam estet-estet, Kampung-kampung Baru masih belum fasih dalam Bahasa Malaysia. Ini cuma penerangan ataupun maklumat penting dasar-dasar Kerajaan. Sekiranya .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya fikir boleh minta penjelasan, jangan beri ucapan. **[Ketawa]**

**Tuan C. Krishnan:** Boleh beri. Ini tidak bercanggahkah hujah-hujah Yang Berhormat itu dengan Perlembagaan?

**Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih:** Saya sanjung tinggi Perlembagaan. Perlembagaan, kepada saya adalah seperti Quran juga. Tetapi saya tidak percayalah kononnya orang di luar kampung ini ataupun Kampung-kampung Baru, kampung lama, kampung tua, yang mana kita hanya kenalkan satu kampung sahaja, mereka bercakap dalam Bahasa Malaysia lebih fasih lagi daripada kita yang dalam bandar. Ini kenyataan kerana mereka sudah ada satu perasaan sense of belonging, dengan izin, negara Malaysia ini miliknya. Dia tidak kira keturunannya.

Inilah sebabnya orang-orang di Indonesia semua orang boleh bercakap Bahasa Indonesia. Begitu juga di negara Thai, dalam keluarga sendiri bercakap bahasa Thai. Maksud saya, saya tidak pandang rendah kepada bahasa-bahasa lain. Tetapi kita mahu ada satu keazaman. Bila kita hendak berazam, kita hendak menggunakan Bahasa Malaysia ini seperti satu bahasa yang boleh menyatu-padukan rakyat, yang boleh disanjung tinggi dan kita anggap bahasa-bahasa ibunda. Sebaliknya saya tidak menghinakan, Bahasa Tamil, tidak. Di samping itu.....

**Dr . Tan Chong Keng:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat,

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada saudara saya ...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Araby tolong duduk sekejap.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih:** Ya .

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Senator Tuan Haji Hamid Araby sama ada dia menafikan bahawa

mass media T.V. itu adalah untuk mendidik rakyat kita dalam bahasa yang digunakan juga dan berkaitan perkara ini saya merujuk kepada perkara TV ini juga perlu digunakan untuk mendidik rakyat berbilang kaum dalam bahasa-bahasa ibunda mereka selain daripada Bahasa Kebangsaan yang kita junjung bersama-sama, Jadi, oleh kerana itu, saya ingin minta Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hamid Araby menjelaskan mengapa dia dengan sengaja mengeneipkan fungsi TV ini sebagai pendidik bahasa ibunda semua kaum. Terima kasih.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah bercakap tadi memadailah TV3 itu dengan bahasa-bahasanya. Saya tidak kata TV jangan sama sekali menyiarkan dalam bahasa-bahasa yang lain. Saya cakap memadailah. Saya sanjung tinggi, saya menghormati bahasa-bahasa lain dan juga mereka yang meminta supaya siaran itu dan siaran ini dibuatnya, tidak salah. Hasrat rakyat mereka boleh bawa ke sini. Saya kata memadailah setakat TV3 dengan rancangannya sekarang ini dan memadailah dengan rancangan yang disiarkan dalam RTM itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi oleh kerana cepat sedikit telah kata atau lafazkan Perlembagaan itu sama dengan Quran - itu tidak. Quran itu lebih penting bagi saya dan lebih besar lagi daripada Perlembagaan kerana Perlembagaan kita ini boleh dipinda-pinda. Minta maaf, saya hendak betulkan apa yang saya cakap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil kesempatan **ini** untuk memohon ampun dah maaf jika sekiranya tutur bahasa saya kasar dan menyinggung perasaan atau menyakiti hati Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Dewan Negara, Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa dua tahun saya berkhidmat di Dewan Negara ini yang akan tamat pada 26hb Disember, 1989 **ini**. Ini yang saya hendak minta maaf, [**Ketawa**] tetapi yang lain saya tidak akan minta maaf dan perkara-perkara yang lain saya tegaskan juga. Dalam perbualan saya semasa bercampur-gaul dengan tuan-tuan, sama ada di kantin ataupun di luar kantin, ataupun di mana sahaja, mungkin saya sudah bercakap atau bertutur dalam bahasa kasar - atas **itu**, saya minta maaf. Yang lain saya bercakap itu saya tidak akan tarik balik.

Akhir kalam, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1990. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Beri peluang di sebelah sini pula. Yang Berhormat Tuan Haasan bin Nam.

## **6.22 ptg.**

**Tuan Hassan bin Nam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang saya turut sama membahaskan mengenai Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah

wang daripada Kumpulan wang yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu yang mana telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 18hb Disember, 1989.

Tuan Yang di-Pertua, telah dinyatakan bahawa ekonomi negara semenjak tahun 1987 telah berkembang dengan kadar yang menggalakan. Ekonomi negara boleh dikatakan berkembang dengan baik dan pesat sekali. Pelaburan telah meningkat, perbelanjaan penggunaan di tahap yang tinggi, kedudukan kewangan Kerajaan pula bertambah kukuh dan dijangka perkembangan ekonomi di masa akan datang terus baik dan juga menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah serta syabas kepada Menteri Kewangan kerana dapat kita perhatikan bahawa Menteri Kewangan kita begitu bersungguh-sungguh, Kalau dibandingkan dengan bentuk perbelanjaan dahulu, ternyata Menteri Kewangan berbelanja dalam keadaan yang serius, tidak relax jika dibandingkan dengan masa-masa dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga begitu kagum apabila akhir-akhir ini dinyatakan dan dijelaskan bahawa hutang-hutang negara telah dapat diselesaikan dengan kadar yang baik. Pada masa dahulu kita lihat hutang-hutang negara bertambah demi bertambah. Saya kira kalau sekiranya kadar hutang negara ini dapat dikurangkan dari masa ke masa, insya Allah, di masa-masa yang akan datang kepercayaan negara asing untuk memberi pinjaman akan terus meningkat kepercayaan mereka terhadap negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang ekonomi Malaysia, dikatakan bahawa pendapatan per kapita akan meningkat daripada

\$5,065 per kapita kepada \$5,477. Walaupun pendapatan per kapita ini tinggi, saya juga ingin mengesyorkan supaya kadar kemiskinan itu dapat dilihat secara jelas dan nyata. Walaupun per kapita itu tinggi, tetapi kita tahu ramai lagi rakyat negara ini yang miskin, ramai lagi yang berpendapatan rendah - \$300 ke bawah, malahan ramai bilangannya yang berpendapatan \$175 ke bawah, bahkan ada juga rakyat di negara ini yang pendapatan mereka masih 'kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang'. Mereka ini yang tinggal di pendalaman, cara hidup pendapatan mereka cara tradisional. Oleh itu saya mengesyorkan supaya program membantu kemiskinan perlu diteruskan dan diperlaksanakan lagi dari masa ke semasa tanpa mengira ideologi dan kaum, tetapi hendaklah ditumpukan kepada sasarannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan di sini bahawa adalah perlu pihak Kementerian menjaga serta melihat perbandingan matawang dunia yang kalau dibandingkan dengan Malaysia ternyata matawang kita agak menurun terutama kalau kita bandingkan dengan negara jiran kita iaitu Singapura. Satu langkah saya kira perlulah diambil supaya kadar perbezaan yang semakin hari semakin turun itu besar dapat dirapat dan diperkecilkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut mengenai negeri-negeri di Pantai Timur. Saya perhatikan bahawa negeri-negeri di Pantai Timur seperti Pahang, Terengganu dan Kelantan dari segi perkembangan industri adalah berkurangan. Banyak daripada industri yang dibina adalah di jaluran-jaluran ekonomi yang telah baik kedudukan dan jaluran-jaluran perdagangan yang telah berkembang maju. Saya lihat pada tahun-tahun yang dahulu amat sedikit taburan-taburan industri diberikan kepada rakyat negeri ini dengan alasan-

alasan tradisional kononnya negeri-negeri ini tidak mempunyai kemudahan-kemudahan infrastruktur, bank, kemudahan-kemudahan penginapan dan sebagainya. Saya kira sudah ketinggalan zaman. Jangan dijadikan alasan-alasan itu sehingga menyebabkan serta mengakibatkan penduduk di situ ketinggalan, penduduk di situ tidak maju jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Pantai Barat.

Kita berasa sedih apabila dibandingkan dari segi pertumbuhan ekonomi boleh dikatakan 1:30. Contohnya pada tahun 1987, industri yang ditaburkan di sebelah pantai barat hampir-hampir 30, tetapi industri yang ditaburkan di sebelah pantai timur 1:2 sahaja. Jadi perkara-perkara yang seperti ini perlulah disemak semula, perlulah dilihat semula agar taburan-taburan industri yang memulangkan hasil kepada kurangnya pengangguran yang mengakibatkan daya hidup serta daya saingan itu maju perlulah dititikberatkan daripada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Dasar Ekonomi Baru, ada setengah pihak tertentu mengatakan supaya sistem kuota dihapuskan dan perlulah diluputkan. Disyorkan supaya keperluan sosio-ekonomi rakyat diambilkira dan dijadikan alasan kepada penyusunan semula Dasar Ekonomi baru. Matlamat Dasar Ekonomi Baru jauh daripada mencapai targetnya. Kita bermula dengan angka lebih kurang 2%. Syukur juga sejak Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan pada tahun 1970, ekonomi kita telah meningkat kepada 18%, tetapi mampukah kita mencapai matlamat bakinya sebanyak 12% lagi sehingga akhir tahun iaitu 1990 nanti?

Saya rasa mustahil kalau ekonomi berkembang 1% satu tahun, mampukah kita capai 12% dalam masa setahun? Bagi kita soal masa tidak penting, tetapi bagi kita soal pokoknya ialah segala matlamat itu mesti dicapai 30%, apa juga jalannya, apa juga kaedahnya dan apa

juga cara matlamat, Kalau kita hendak 30% mesti kita kekalkan dan mesti capai 30%, tidak kira tahun 1990, tidak kira tahun 2000 dan tidak kira tahun berapa.

Walau bagaimanapun, targetnya disetkan, tetapi kalau masa target itu telah disetkan, telah ditentukan, tetapi masih juga tidak tercapai, jangan kita berhenti oleh kerana desakan-desakan yang tidak berasas dari kalangan tertentu. Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup Yang Berhormat boleh sambung esok. Sekarang saya tangguhkan Dewan ini sehingga jam 3.00 petang hari esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**